Persekitaran komunikasi pada hari ini banyak bergantung kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini telah menjadi fenomena penting dalam pelbagai aspek kehidupan, ekonomi dan sosial masyarakat. Komunikasi tidak lagi hanya bersemuka malah berterusan dengan rancak menerusi medium dan pelbagai aplikasi ICT. Perkara ini juga merangkumi aktiviti perniagaan di era digital. Kertas kerja ini merupakan satu kajian rintis yang membincangkan tentang penggunaan ICT sebagai medium komunikasi perniagaan dalam kalangan usahawan B40. Antara objektif kertas kerja ini adalah untuk meninjau pola penggunaan ICT dalam kalangan usahawan B40 serta mengenal pasti tahap kebolehpercayaan item. Data dipungut melalui kaedah kuantitatif secara tinjauan terhadap 30 orang usahawan B40 di Semenyih. Satu set borang soal selidik diedarkan secara bersemuka kepada responden. Hasil kajian rintis mendapati bahawa responden kerap menggunakan ICT bagi membolehkan mereka berkongsi sumber yang membantu mereka menjalankan perniagaan serta dapat menguruskan pesanan daripada pelanggan dengan cekap. Ujian kebolehpercayaan bagi dimensi penggunaan ICT ini adalah diterima dengan bacaan *Cronbach Alpha* $\alpha=.735$. Ironinya, usahawan B40 amat digalakkan untuk mengoptimalkan penggunaan ICT sebagai medium komunikasi perniagaan serta platform pemasaran yang lebih berdaya saing.

Kata kunci: Penggunaan ICT, medium komunikasi, usahawan, B40

STRATEGI PENGURUSAN PENGGANTIAN BAGI PERNIAGAAN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA: KAJIAN KE ATAS KP YUSOF TRAVEL SDN.BHD.

SYAHRINA BINTI ABDULLAH¹
ARMANURAH BINTI MOHAMAD²
AFIFAH ABU YAZID³

^{1,3}Kolej Sastera dan Sains

²Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah, Malaysia.

syahrina@uum.edu.my

armanurah@uum.edu.my

afifah865@uum.edu.my

ABSTRAK

Perniagaan keluarga Islam di Malaysia menjadi semakin penting pada abad kini dalam memacu ekonomi ummah. Perniagaan keluarga adalah sesuatu yang unik berbanding dengan perniagaan-perniagaan yang lain kerana aspek perancangan yang dihadapi ternyata berbeza, kemungkinan disebabkan percampuran antara perniagaan dan keluarga dalam hal-hal pengurusan perniagaan khususnya. Sumbangan perniagaan keluarga tidak dapat dipertikaikan dari aspek peluang pekerjaan kepada masyarakat serta penyumbang kepada peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara. Kertas kerja ini akan membincangkan pengurusan perancangan penggantian bagi perniagaan keluarga Islam yang terletak di Negeri Kedah Darul Aman dan cawangannya di Pulau Pinang, iaitu Syarikat KP Yusof Travel. Perniagaan keluarga ini telah bermula sejak tahun 1974 secara tidak formal. Produk utama yang ditawarkan ialah perkhidmatan penerbangan dan kelengkapan haji dan umrah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi menerokai perancangan pengurusan penggantian dalam konteks perniagaan keluarga Islam yang menjadi punca kesinambungan perniagaan keluarga masa kini. Penemuan kajian mendapati enam dimensi perancangan penggantian menjadi amalan dalam pengurusan penggantian bagi sesebuah perniagaan keluarga. Ciri-ciri tersebut turut mempengaruhi kejayaan syarikat tersebut sehingga kini.

Kata kunci: Perniagaan keluarga Muslim dan pengurusan perancangan penggantian

ABSTRACT

Muslim family business in Malaysia has become more important in the current century in driving the economy of the ummah. The family business is unique compared to other businesses because the planning aspects are different, possibly due to the mixing between the business and the family matters of business management. The contribution of family business cannot be ignored in terms of job opportunities to the community as well as contribute to the percentage of Gross Domestic Product (GDP) of a country. This paper will discuss the management of succession planning among Islamic family business located in the State of Kedah Darul Aman and its branch in Penang, namely Syarikat KP Yusof Travel. This family business has been established since 1974 informally. The main products offered are ticketing services for hajj and umrah. This study used a qualitative method to explore succession management planning in the context of Islamic family business which is the source of continuity of family business today. The findings of the study found that the six dimensions of succession planning become a practice in succession management for a family business. These characteristics also influence the success of the company to date.

Keywords: Muslim's family business and management succession planning.

PENGURUSAN PENGGANTIAN BAGI PERNIAGAAN KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA: KAJIAN KE ATAS KP YUSOF TRAVEL SDN.BHD.

SYAHRINA BINTI ABDULLAH¹
ARMANURAH BINTI MOHAMAD²
AFIFAH ABU YAZID³

^{1,3}Kolej Sastera dan Sains

²Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah, Malaysia.

syahrina@uum.edu.my

armanurah@uum.edu.my

afifah865@uum.edu.my

ABSTRAK

Perniagaan keluarga Islam di Malaysia menjadi semakin penting pada abad kini dalam memacu ekonomi ummah. Perniagaan keluarga adalah sesuatu yang unik berbanding dengan perniagaan-perniagaan yang lain kerana aspek perancangan yang dihadapi ternyata berbeza, kemungkinan disebabkan percampuran antara perniagaan dan keluarga dalam hal-hal pengurusan perniagaan khususnya. Sumbangan perniagaan keluarga tidak dapat dipertikaikan dari aspek peluang pekerjaan kepada masyarakat serta penyumbang kepada peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sesebuah negara. Kertas kerja ini akan membincangkan pengurusan perancangan penggantian bagi perniagaan keluarga Islam yang terletak di Negeri Kedah Darul Aman dan cawangannya di Pulau Pinang, iaitu Syarikat KP Yusof Travel. Perniagaan keluarga ini telah bermula sejak tahun 1974 secara tidak formal. Produk utama yang ditawarkan ialah perkhidmatan penerbangan dan kelengkapan haji dan umrah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi menerokai perancangan pengurusan penggantian dalam konteks perniagaan keluarga Islam yang menjadi punca kesinambungan perniagaan keluarga masa kini. Penemuan kajian mendapati enam dimensi perancangan penggantian menjadi amalan dalam pengurusan penggantian bagi sesebuah perniagaan keluarga. Ciri-ciri tersebut turut mempengaruhi kejayaan syarikat tersebut sehingga kini.

Kata kunci: Perniagaan keluarga Muslim dan pengurusan perancangan penggantian.

ABSTRACT

Muslim family business in Malaysia has become more important in the current century in driving the economy of the ummah. The family business is unique compared to other businesses because the planning aspects are different, possibly due to the mixing between the business and the family matters of business management. The contribution of family business cannot be ignored in terms of job opportunities to the community as well as contribute to the percentage of Gross Domestic Product (GDP) of a country. This paper will discuss the management of succession planning among Islamic family business located in the State of Kedah Darul Aman and its branch in Penang, namely Syarikat KP Yusof Travel. This family business has been established since 1974 informally. The main products offered are ticketing services for hajj and umrah. This study used a qualitative method to explore succession management planning in the context of Islamic family business which is the source of continuity of family business today. The findings of the study found that the six dimensions of succession planning become a practice in succession management for a family business. These characteristics also influence the success of the company to date.

Keywords: Muslim's family business and management succession planning.

TEKANAN KERJA DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR TASIK KESUMA

NORAZNIDA BINTI HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

noraznida@kuis.edu.my

ANIS NADHIRAH BINTI NAZARUDIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

anisnadhiraahnazarudin12@gmail.com

NUR SYAHEERA BINTI ATAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

syaheera@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masalah tekanan di tempat kerja merupakan isu yang hangat dan kritikal dalam setiap organisasi. Isu ini sering diperkatakan kerana masalah ini wujud hampir dalam setiap organisasi. Tekanan boleh memberi kesan yang baik dan juga buruk kepada seseorang bergantung kepada cara seseorang tersebut mengatasinya. Selain itu, tekanan juga boleh memberi kesan jangka panjang kepada kesihatan fizikal pekerja. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap dan membincangkan isu tekanan yang berlaku di kalangan guru. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan di antara faktor-faktor tekanan kerja, untuk menganalpasti faktor yang paling dominan terhadap tekanan kerja dan untuk melihat perbezaan faktor jantina, umur dan tempoh perkhidmatan dalam kalangan guru di Sekolah Kebangsaan Tasik Kesuma. Terdapat empat faktor yang akan dikaji iaitu bebanan kerja, hubungan interpersonal, kerenah murid dan kekangan masa. Seramai 97 orang guru terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Setiap hipotesis diuji dengan menggunakan perisian IBM *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 26. Analisis statistik deskriptif frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menggambarkan taburan data yang diperolehi dengan lebih jelas. Manakala untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini, analisis inferensi yang digunakan ialah korelasi pearson, ujian-t dan ANOVA. Dapatan kajian mendapati kesemua faktor mempunyai hubungan yang sederhana terhadap tekanan kerja dalam kalangan guru. Manakala faktor bebanan kerja merupakan faktor yang paling dominan terhadap tekanan kerja dalam kalangan guru. Analisis juga menunjukkan demografi umur, jantina dan tempoh perkhidmatan adalah tidak signifikan yang menerangkan bahawa tiada perbezaan dalam tekanan kerja antara guru lelaki & guru perempuan, umur dan tempoh perkhidmatan. Ini menjelaskan berkemungkinan tekanan kerja antara jantina, umur dan tempoh perkhidmatan adalah seimbang dan wujud dalam kalangan guru. Sehubungan itu, tindakan susulan perlu diambil oleh pentadbir agar masalah ini tidak berterusan yang akan memberi kesan buruk pada masa akan datang.

Kata kunci: Tekanan kerja, Bebanan Kerja, Hubungan Interpersonal, Kerenah Murid, Kekangan Masa.

PRUDENCE IN REPORTING SHARIAH NON-COMPLIANT INCOME BY MALAYSIAN ISLAMIC BANKS

NORHANIZAH JOHARI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

norhanizah@kuis.edu.my

NAWAL KASIM (ASSOC. PROF)

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

Nawal120@yahoo.com

NOR AISHAH MOHD ALI (DR.)

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Melaka

Aishah72@melaka.uitm.edu.my

ROSHAYANI MOHD ARSHAD (PROF.DR.)

Accounting Research Institute (ARI)

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

roshayani2013@gmail.com

ABSTRACT

Understanding Shariah Non-Compliance incidents (SNC) is crucial to every key functions of the Islamic banks. Being prudence in managing and reporting the SNC is critically important to the bank as the Shariah Non-Compliant Income (SNCI) should be derecognized from the income of the Islamic banks. And, it should be reported in the annual report of the banks. Financial reporting is one of the evidences that the bank function is seen as being accountable, transparent and prudent in complying with the Shariah principles and regulatory requirements of the regulator. The study enriches the very scarce literature related to the end-to-end process of managing and reporting of SNCI. Moreover, discovering this new information is considered worth exploring as prior studies failed to provide such evidence.

Keywords: prudence, Non-Compliant Income, Islamic banks, financial reporting, accountability.

THE EFFECT OF TRAINING AND DEVELOPMENT ON EMPLOYEES' SAFETY AND HEALTH

NADWATUL HUSNA MUSTAPHA

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nadwatul@kuis.edu.my

PANJI HIDAYAT MAZHISHAM

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
panjihidayat@kuis.edu.my

NOR SUHAILY BAKAR

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norsuhaily@kuis.edu.my

NURAMIRA ABDUL HADI

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRACT

The aim of the study is to examine the effect of training and development on employees' safety and health. The objectives of this research is (i) to identify the levels of training needs assessment, transfer of training, program design and training evaluation on employees' safety and health, (ii) to analyse the relationship between all of the above factors towards employees' safety and health, and (iii) to analyse the most influence factors that affect employees' safety and health. The data of this study has been collected among the employees at one of Malaysian's private sector. The data was analyzed using the *Statistics Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 25.0*. The statistic was used is descriptive analysis, pearson correlation and multiple regression. The research findings showed that the four factors above are at the highest level (mean = 4.31), while the result for the correlation analysis showed that there was a significant relationship between all the factors of training and development towards employees' safety and health ($p < 0.05$). Thus, the analysis of multiple regression reveals that the factor of training need assessment is the most influence factor that has significant effect on employees' safety and health ($\beta = 0.319$, $p < 0.05$). The implication of this research shows that management needs to emphasize the importance of practicing training and development in order to increase safety and health among the employees.

Keywords: Training needs assessment, transfer of training, program design, training evaluation, employees' safety and health.

KESAN ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN TERHADAP PRESTASI KERJA

**PANJI HIDAYAT MAZHISHAM
MUHAMAD FADHIL AHMAD
NADWATUL HUSNA MUSTAPHA
NOR SUHAILY BAKAR**

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

panjihidayat@kuis.edu.my

nadwatul@kuis.edu.my

norsuhaily@kuis.edu.my

ummi@kuis.edu.my

ABSTRACT

Analisis keperluan latihan merupakan satu kaedah dalam menentukan latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan prestasi pekerja. ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara analisis keperluan latihan dengan prestasi kerja di sebuah syarikat swasta di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk (i) mengenalpasti tahap analisis keperluan latihan organisasi, kerja dan pekerja terhadap prestasi kerja dalam kalangan pekerja, (ii) mengkaji hubungan antara analisis keperluan organisasi, kerja dan pekerja dengan prestasi kerja dan (iii) mengkaji faktor yang paling mempengaruhi analisis keperluan latihan terhadap prestasi kerja. Kajian ini dijalankan di sebuah organisasi swasta di Malaysia. Data dianalisis menggunakan *Statistics Package for Social Science (SPSS)*. Statistik yang digunakan ialah analisis diskriptif, kolerasi dan regrasi berganda. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap analisis keperluan latihan dalam kalangan pekerja berada pada tahap yang tinggi (min = 4.09). Manakala, hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua faktor analisis keperluan latihan di atas dengan prestasi kerja ($p = 0.00$, $p < 0.01$). Manakala, analisis regresi berganda menunjukkan bahawa faktor analisis keperluan latihan organisasi merupakan faktor yang paling mempengaruhi) dan memberi kesan yang utama terhadap prestasi kerja ($\beta = 0.303$ $p < 0.01$). Implikasi kajian ialah analisis keperluan latihan organisasi dapat mempengaruhi produktiviti dan meningkatkan prestasi para pekerja dalam melaksanakan tugas dengan lebih baik. Justeru itu hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan organisasi dan pekerja untuk meningkatkan pelaksanaan analisis keperluan latihan dan pembangunan organisasi ke arah lebih efektif dan efisien.

Kata kunci: Analisis Keperluan Latihan (AKL), analisis Organisasi, analisis Kerja, analisis Pekerja, prestasi kerja.

FAMILY WAQF : POTENTIAL WEALTH INSTRUMENT

SRI WAHYU SAKINA BT AHMAD SANUSI

KUIS

Phd researcher, Institut Islam Hadhari UKM

ABSTRACT

Unmanageable property has remained a persistent issue in Malaysia until today. The history of the Prophet Muhammad SAW, reveals that family waqf became one of the alternatives in property distribution specifically to heirs who are unrecognizable in the faraid law. In order to safeguard a Muslim's equity; the potential of family waqf as one of the instruments for managing property should be refined. This qualitative study aims to study the family waqf implementation in Malaysia. This study is qualitative in nature by using semi-structured interviews. A total of 9 respondents were selected for data collection. It was discovered that family waqf can be a one of the potential wealth instruments providing improvement need to be done to rectify the weaknesses in the current procedures of family waqf. The implication of this study is to provide useful input for family waqf administrators as well as related stakeholders in terms of improving in administration procedures and family waqf asset management, implying that family waqf has the potential to be the instrument for property management to uphold Muslims' equity.

Keywords: Family waqf, equity, administration, asset, property

A PRELIMINARY STUDY OF PEER-TO-PEER (P2P) FINANCING IN MALAYSIA

NORAZLINA RIPAIN

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

norazlina.ripain@kuis.edu.my

NOR HAKIMAH HJ. MOHD NOR

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

norhakimah@kuis.edu.my

NURUL WAJHI AHMAD

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

nurulwajhi@kuis.edu.my

ABSTRACT

Financial technology (FinTech) in Malaysia has become as one of the important platforms to nurture the development of banking and financial sector with focusing on digital transactions. Numerous services were innovated to cater the demand of corporate businesses and retail consumers such as digital payment, digital remittances as well as digital financing and investing etc. Even though the market keeps growing tremendously yet many people still not aware and has insufficient knowledge on the digital services platform. Thus, this study aims to share information to the society with focused to peer-to-peer (P2P) financing as digital lending platform. As of year 2021, Securities Commission of Malaysia (SC) reported the amount raised from P2P financing climb to RM1,144,048,744.87 compared to the first year of introduction, 2017 which only worth RM32,597,200. The number of issuers also rose from 79 in 2017 to 4,218 issuers up to year 2021. These values indicate P2P financing which well regulated by the Securities Commission of Malaysia (SC) keep changing the way businesses raised funding from conventional financing to digital financing.

Keywords: P2P Financing, Digital Financing, Financial Technology, Issuer, Securities Commission

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP KEPUASAN KERJA (WORK FROM HOME) DALAM KALANGAN GURU SEWAKTU COVID 19

SITI MARDIAH ZULKAFLI

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
18bb02044@student.kuis.edu.my

ZAINAB AMAN

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor zainab@kuis.edu.my

NUR SURIANA AWALUDIN

Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nursuriana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan kerja (work from home) dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang Selangor iaitu faktor keseimbangan kerja, teknologi dan fasiliti dan produktiviti. Data-data yang diperolehi adalah hasil daripada pengedaran borang soal selidik kepada 148 orang responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang Selangor. Kaedah analisis statistik yang digunakan ialah analisis deskriptif, kolerasi pearson, dan regresi linear mudah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan kerja (work from home) dalam kalangan guru adalah berada pada tahap yang sederhana dan hubungan antara tahap kepuasan kerja (work from home) dengan teknologi dan fasiliti dan produktiviti adalah positif dan signifikan. Manakala, keseimbangan kerja mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan terhadap kepuasan kerja (work from home). Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak guru dan sekolah untuk melakukan penambahbaikan sebagai usaha dalam membantu para guru meningkatkan tahap kepuasan kerja (work from home) melalui keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mampu melahirkan murid yang berkualiti dan berintergriti tinggi serta menjadi sebuah sekolah yang cemerlang. Akhir sekali, adalah diharapkan semoga kajian pada masa hadapan boleh melihat dari segi kaedah kualitatif seperti membandingkan tahap kepuasan kerja, *work from home*, *work from office* dan melihat dari segi faktor-faktor yang lain seperti faktor fizikal, kewangan dan psikologi bagi mempelbagaikan lagi kajian ke atas guru.

Kata kunci: Kepuasan Kerja, Work From Home, Keseimbangan kerja, Teknologi dan Fasiliti, Produktiviti

FINTECH, FINANCIAL INCLUSION AND FINANCIAL DEVELOPMENT

NOR HAKIMAH HAJI MOHD NOR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
email norhakimah@kuis.edu.my

NURUL WAJHI AHMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
email nurulwajhi@kuis.edu.my

NORAZLINA RIPAIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
email norazlina.ripain@kuis.edu.my

ABSTRACT

This study explores on the role of fintech and financial inclusion in promoting financial development. Higher level of financial development suggests that the well-functioning financial sectors are efficient in mobilizing and allocating capital to its most productive use which ultimately encourage the economic growth. The development of fintech would accelerate financial development by promoting financial inclusion. The emergence of fintech offers opportunities and challenges to the financial markets. Fintech benefits various users in the economy as well as businesses and finance world. Besides its benefits, fintech also provides various dimensions to the financial markets. In order financial markets to become more wellfunctioning, it requires financial inclusion and fintech to play their roles. This study provides more understanding on the financial development that incorporates the elements of fintech and financial inclusion where it suggests how financial markets will be improved and ultimately encourage economic growth. It also may shed new light on regulating new policy towards enhancing financial development and economic growth through fintech and financial inclusion.

Keywords: Fintech, Financial Inclusion, Financial Development

A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW ON FACTORS THAT INFLUENCE FARMERS' WELL-BEING

SUHAILA NADZRI,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
suhaila.nadzri@kuis.edu.my

SITI AISYAH ZAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia,
aisyahzahari19@gmail.com

NORFAIZAH OTHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norfaizah@kuis.edu.my

MARIANI ABDUL MAJID

Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan, Malaysia
mariani@ukm.edu

ABSTRACT

This paper provides a comprehensive systematic literature review of the past studies on farmers well-being. This paper aims to analyze the current factors that influence farmers well-being. This study is based on the review of secondary data collected from the primary database Scopus and Web of Science (WoS) on farmers well-being. There were 51 articles are included for the data extraction after meeting selection criteria through the systematic searching process. Based on the objective, we have developed six main themes 1) government and organizational support, 2) physical input management, 3) social relationship/resources, 4) farmer's characteristics, 5) farm management, and 6) Good Agriculture Practice (GAP) which further produced 30 subthemes. These findings are expected to help policymakers, practitioners and researchers to develop the best model to enhance farmers well-being and generate short and long-term strategies for farmers. Lastly, we note some suggestions for opportunities for a future line of study in this field.

Keywords: well-being, farmers, SLR, GAP, factor.

HUBUNGAN AKTIVITI SENAMAN DAN TAHAP KESIHATAN MENTAL

MARHAINI BINTI ABDUL GHANI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
marhaini@kuis.edu.my

NORAZNIDA BINTI HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noraznida@kuis.edu.my

HALIYANA BINTI TONOT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
haliyana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Amalan senaman fizikal memberi manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental seseorang. Bersenam membuatkan seseorang akan berasa lebih baik tentang diri mereka, kerana mereka telah melakukan sesuatu yang baik untuk badan mereka. Terdapat bukti saintifik yang menentukan bahawa semasa seseorang bersenam, sambungan neurotransmitter telah diaktifkan. Selain itu sel-sel saraf lebih aktif dan dengan ini, tumpuan, perhatian dan pembelajaran akan bertambah baik. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan aktiviti fizikal dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti dan perbezaan amalan senaman fizikal dalam kalangan pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Responden kajian adalah pelajar universiti. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar Fakulti Pengurusan Dan Muamalah, kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Dapatan kajian menunjukkan, senaman mempunyai hubungan yang baik dengan tahap kesihatan mental pelajar. Selain itu, terdapat perbezaan amalan senaman fizikal di antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Kesimpulannya, tidak diragukan lagi amalan senaman fizikal membantu dalam mengurangkan masalah kesihatan mental pelajar universiti. Ini kerana salah satu faedah utama mengamalkan senaman fizikal pada tahap mental ialah peningkatan harga diri, prestasi fizikal, ketabahan atau keinginan untuk mencapai keputusan yang lebih baik, yang membawa keadaan euforia dan kesejahteraan emosi.

Kata kunci: Senaman fizikal, Kesihatan Mental, Pelajar.

PERSEKITARAN BAHASA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA ARAB PELAJAR

KHAIRULAIZAM ABDUL RAHMAN

FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
P107481@siswa.ukm.edu.my

HARUN BAHARUDIN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
harunbaharudin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dalam pembelajaran sesuatu bahasa, pasti terdapat beberapa faktor yang dilihat menjadi pengaruh dan pendorong kepada penguasaan bahasa tersebut. Dalam kajian ini, persekitaran bahasa menjadi faktor pendorong kepada penguasaan kosa kata Arab pelajar. Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah dan kurang memuaskan. Justeru, keperluan untuk meneliti faktor yang mendorong kepada peningkatan penguasaan kosa kata Arab adalah sangat penting bagi semua pengkaji. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif yang menggunakan pendekatan kaedah tinjauan. Populasi kajian ini seramai 2600 orang pelajar melibatkan 23 buah Sekolah Agama Menengah di Negeri Selangor. Teknik pensampelan yang digunakan bagi kajian ini ialah pensampelan rawak berstrata. Proses pengumpulan data dimulakan dari edaran instrumen. Instrumen yang digunakan ialah satu set soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Data yang diperoleh hasil daripada maklum balas responden telah dianalisis secara deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratus, min serta sisihan piawai data juga dianalisis secara inferensi melalui ujian statistik Korelasi Pearson. Cara penganalisan data adalah dengan menggunakan perisian program komputer iaitu Statistical Package for Social Science Windows (SPSS) version 27. Justeru, kertas konsep ini membincangkan perihal aspek yang diuji melalui konstruk persekitaran Bahasa Arab.

Kata kunci: Persekitaran bahasa; Kosa kata Arab; Teori ekologi; Vygostky

ABSTRACT

In language learning, there are several factors that are seen to give influence or be a mediator in mastery of the language. In term of this study, the language environment become a main factor in mastering of Arabic vocabulary of students. The result of previous studies showed that the level of Arabic language proficiency among students in Malaysia is at low level. Therefore, it is a must for researchers to examine the factors that lead to the improvement of Arabic vocabulary mastery. This study used quantitative design using a survey method approach. The population of this study is two thousand students which is twenty three secondary religious schools in Selangor are involved. This study used stratified random sampling as sampling technique. The data collection process is initiated from the distribution of instrument through google form. The instrument used a set of questionnaires divided into three parts. The data was obtained from respondent's feedback were analyzed descriptively consist of frequency, percentage, mean and standard deviation. The data were analyzed inferentially as well through Pearson correlation statistical test. The method of data analysis is by using computer program software that is statistical package for social science windows (SPSS) version 27. Thus, this concept paper discussed the aspects tested through the construct of Arabic environment.

Keywords: Language environment, Arabic vocabulary, Ecology theory, Vygotsky

EKSPRESI IDENTITI DIRI: INTERAKSI SOSIAL DAN KOMUNIKASI DI MEDIA SOSIAL

NORAZIRAWATI AHMAD

Jabatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norazirawati@kuis.edu.my

AINURLIZA MAT RAHIM

Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan
ainurliza@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengguna media sosial menghadapi pelbagai cabaran dalam mengekspresi identiti diri mereka melalui komunikasi terutama corak komunikasi dan bahasa yang digunakan ketika interaksi sosial antara individu dengan individu yang lain di media sosial. Keterbatasan 'persembahan diri' ini memberi kesan kepada pengurusan tanggapan dalam pendekatan Dramaturgikal Goffman. Oleh itu, artikel ini cuba mengkaji idea pengurusan tanggapan yang disebut 'persembahan diri', corak komunikasi, bahasa dan cara bertingkah laku dalam media sosial. Bagaimana interaksi sosial dalam media sosial? Sejauh manakah mereka menyedari strategi persembahan diri dan pengurusan khalayak sebagai konstruk identiti diri? Berdasarkan konsep pengurusan tanggapan Goffman, temubual mendalam dengan enam subjek iaitu pengguna media sosial lelaki dan wanita telah dijalankan. Kandungan dan komunikasi yang dapat menyesuaikan diri dengan keadaan muncul sebagai tema utama perbincangan. Pengguna juga sedar bahawa aktiviti mereka dalam media sosial adalah sebahagian daripada imej yang mereka bina untuk diri mereka sendiri.

Kata Kunci: Pendekatan Dramaturgikal, Corak Komunikasi dalam Talian, Pengurusan Tanggapan, Identiti Diri dalam Talian, Media Sosial.

ISU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI TEMPAT KERJA

SALINA MOHAMMED RASHID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

salinarashid@kuis.edu.my

MARHAINI ABDUL GHANI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

marhaini@kuis.edu.my

NADWATUL HUSNA MUSTAPA

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

nadwatul@kuis.edu.my

ABSTRAK

Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan salah satu isu yang sering dialami oleh pekerja termasuk pekerja orang kurang upaya (OKU). Dalam kertas kerja ini enam orang informan OKU Pekak telah ditemubual. Mereka terdiri daripada pekerja pekak yang bekerja di sektor swasta, sektor kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Semasa temubual, pengkaji menggunakan khidmat jurubahasa isyarat terlatih. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat pekerja mengalami masalah gangguan emosi, buli dan terdedah dengan risiko bahaya di tempat kerja. Ini menunjukkan bahawa pekerja OKU Pekak sememangnya menghadapi masalah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kesimpulannya pihak majikan perlu memandag serius terhadap isu yang dihadapi oleh mereka supaya dapat menjamin keselamatan dan kesihatan mereka di tempat kerja. Beberapa cadangan telah diberikan dalam kajian ini agar warga ini diberi perhatian dan pendedahan berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Kata kunci: Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Pekak (OP), Keselamatan dan Kesihatan.

HUBUNGAN FAKTOR KEFAHAMAN, KEYAKINAN DENGAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP LOGO HALAL JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

MOHAMMAD AZIM ADHA

azimadha79@gmail.com

NURAU LIANI JAMLUS RAFDI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

nurauliani@kuis.edu.my

ABSTRAK

Mencari dan menggunakan produk halal merupakan satu kewajipan malah menjadi tuntutan kepada pengguna Islam. Maka, beberapa inisiatif telah diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk pemantauan dan penguatkuasaan pensijilan halal serta penggunaan logo halal JAKIM bagi memudahkan pengguna Islam memperoleh produk yang halal di pasaran. Artikel ini mengkaji penulisan terdahulu tentang persepsi pengguna Islam terhadap logo halal JAKIM. Seterusnya pengkaji telah mewujudkan dua hipotesis yang akan digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan kepada sampel yang terpilih secara rawak dan seterusnya, kaedah deskriptif serta kolerasi pearson digunakan bagi menganalisis data dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22. Dapatan kajian mendapati faktor kefahaman dan faktor keyakinan mempunyai hubungan signifikan dengan persepsi pelajar terhadap logo halal JAKIM.

Kata Kunci: Logo halal, JAKIM

AKTIVITI FIZIKAL DAN TAHAP KESIHATAN MENTAL SEMASA PANDEMIK COVID-19: SATU TINJAUAN AWAL

NORAZNIDA BINTI HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noraznida@kuis.edu.my

MARHAINI BINTI ABDUL GHANI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
marhaini@kuis.edu.my

HALIYANA BINTI TONOT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
haliyana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kesan pandemik Covid-19 kepada masyarakat dunia khususnya rakyat Malaysia sangat besar terutamanya terhadap kesihatan mental dan kesihatan fizikal. Golongan muda terutamanya pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi turut menerima tempias daripada gelombang wabak pandemik ini. Secara tidak langsung, golongan ini sangat cenderung untuk mengalami masalah kesihatan fizikal dan mental. Kajian ini merupakan satu tinjauan awal untuk mengenalpasti peranan aktiviti fizikal terhadap tahap kemurungan, kegelisahan dan tekanan dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor semasa wabak pandemik Covid-19. Kaedah borang soal selidik digunakan dengan melibatkan seramai 45 orang pelajar yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data diukur dengan menggunakan DASS 21 versi Bahasa Malaysia yang telah divalidasi. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati responden yang mengalami tekanan pada tahap sangat teruk adalah 2.22% dan teruk adalah 15.56%. Manakala responden yang mengalami kebimbangan pada tahap sangat teruk mencatatkan 33.33% dan teruk 22.22%. Responden yang mengalami kemurungan pada tahap sangat teruk dan teruk mencatatkan peratusan yang sama iaitu 6.67% masing-masing. Dapatan juga mendapati 48.89% responden yang mengalami sekurang-kurangnya satu masalah kesihatan mental ini tidak membuat sebarang aktiviti fizikal seperti berbasikal, aerobik dan mengangkat berat dalam tempoh tujuh hari (minggu sebelum) semasa tinjauan kajian ini dijalankan. Kesimpulannya, aktiviti fizikal yang konsisten atau beriadah memainkan peranan penting bagi untuk mengurangkan masalah tekanan, kebimbangan dan kemurungan bagi setiap individu.

Kata kunci: Tekanan, Kebimbangan, Kemurungan, Aktiviti Fizikal.

HUBUNGAN ANTARA PENYELIAAN, RAKAN SEKERJA DENGAN KEPUASAN KERJA: KAJIAN DI HARTALEGA BESTARI JAYA

NURAU LIANI JAMLUS RAFDI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

nurauliani@kuis.edu.my

NOR NAJIHAH BINTI A. RAHIM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

n4jihah96@gmail.com

SAFURA AHMAD SABRI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

safura@kuis.edu.my

NUR FIKRIAH TAKRIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

nurfikriah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kepuasan kerja adalah tindak balas emosi terhadap berbagai-bagai kerja dan bukan satu konsep tunggal sahaja. Dalam kepuasan kerja, individu dapat berpuas hati dengan kerja atau tidak berpuas hati dengan satu atau beberapa aspek lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor penyeliaan dan rakan sekerja dengan kepuasan kerja di Hartalega Bestari Jaya. Kajian ini melibatkan 111 orang responden yang mana borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dengan menggunakan kaedah persampelan mudah. Perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS)* digunakan untuk menganalisis data dengan menjalankan analisis deskriptif dan korelasi pearson. Hasil korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor penyeliaan dan faktor rakan sekerja dengan kepuasan kerja di Hartalega Bestari Jaya. Selain itu, tahap kepuasan kerja di Hartalega Bestari Jaya adalah pada tahap yang tinggi. Di akhir kajian, penyelidik mencadangkan beberapa kaedah bagi meningkatkan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja di Hartalega Bestari Jaya.

Kata kunci: Kepuasan kerja, Penyeliaan dan Rakan sekerja.

PENGARUH MOTIVASI INTRINSIK TERHADAP PRESTASI PEKERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN DI SEBUAH PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH DI NEGERI SELANGOR

MUHAMMAD FIRDAUS MUHAMMAD SABRI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

Email: firdaussabri@kuis.edu.my

SITI NUR SYAZANA BINTI JAMALUDDIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

Email: syazanajamaluddin24@gmail.com

AZHARUDDIN HASHIM

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.

Email: azharuddin@kuis.edu.my

NADZIRAH MOHD FAUZI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.

Email: nadzirah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor motivasi intrinsik yang mempengaruhi prestasi pekerja semasa pandemik COVID-19. Kajian ini dijalankan di kalangan pekerja di salah sebuah Pejabat Agama Islam Daerah di Negeri Selangor. Terdapat tiga faktor yang dikaji iaitu peluang memajukan diri, tanggungjawab dan pengiktirafan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah tidak bersandar (peluang memajukan diri, tanggungjawab dan pengiktirafan) dengan pembolehubah bersandar (prestasi pekerja). Selain itu, kajian itu juga dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti faktor apakah paling dominan yang mendorong prestasi pekerja semasa pandemik COVID-19. Kajian ini melibatkan sampel seramai 56 orang responden dari salah sebuah Pejabat Agama Islam Daerah di Negeri Selangor. Sebanyak 56 set borang soal selidik (Google Form) telah diedarkan oleh pengkaji kepada responden dan diterima semula selepas tiga minggu. Setiap data telah diuji menggunakan perisian IBM SPSS Statistic versi 27. Data yang diperolehi pula dianalisis menggunakan analisis deskriptif, analisis Korelasi Pearson dan analisis regresi. Hasil dapatan kajian menunjukkan peluang memajukan diri, tanggungjawab dan pengiktirafan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi pekerja. Hasil lanjutan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat faktor paling dominan yang mendorong prestasi pekerja semasa pandemik COVID-19 iaitu peluang memajukan diri dengan nilai signifikan 0.001 serta $\beta = 0.514$. Pengkaji mencadangkan kepada pihak organisasi untuk mengambil langkah proaktif dalam memastikan pekerja sentiasa bermotivasi untuk meningkatkan prestasi kerja.

Kata kunci: Prestasi pekerja, peluang memajukan diri, tanggungjawab, pengiktirafan, COVID-19.

THE STUDY OF ACADEMICIAN'S JOB PERFORMANCE IN HIGHER LEARNING INSTITUTIONS

ALAWIYAH TENGAH

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
alawiyah@kuis.edu.my

NUR HUSNA MOHAMAD HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
nurhusna@kuis.edu.my

UMMI MUNIRAH SYUHADA MOHAMAD ZAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
ummi@kuis.edu.my

ABSTRACT

This study aims to identify the level of job performance among academicians in Malaysian Private Higher Education Institutions (PHEIs). This study focused at three major components of academician's performance; teaching, research and publications. The online survey was conducted on 200 academicians who represented the two (2) private university colleges of Malaysian PHEIs. The questionnaire contains 22 items related to teaching, research and publications performance. The data were analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25. Descriptive analysis was used in this study. The findings of the study indicate the level of academician's teaching performance is high with value mean 4.46. The research performance is moderate with value mean 3.15 and publications performance is low with value mean 2.65. This demonstrates that the academicians did well in their roles and responsibilities in teaching but such research and publication could be improved. The findings suggest that PHEIs management can improve the factors which influence academicians' job performance.

Keywords: job performance, teaching performance, research performance, publication performance, academician, higher learning institutions.

IMPAK AKHLAK TERHADAP PENINGKATAN KUALITI HIDUP USAHAWAN WANITA B40

AZA SHAHNAZ BT AZMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azashahnaz@kuis.edu.my

HAIRUNNIZAM WAHID

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
hairun@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh akhlak kepada kualiti hidup usahawann wanita B40 di sekitar Selangor. Sampel kajian ini terdiri daripada usahawan wanita B40 seramai 384 orang. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik dan data analisis dengan menggunakan *Partial Least Square SEM* (PLS-SEM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor akhlak memberi kesan kepada peningkatan kualiti hidup usahawan wanita B40. Selain itu juga, kajian ini mendapati wujudnya hubungan yang positif dan signifikan diantara impak akhlak kepada niat dan gelagat dalam menjalankan perniagaan. Secara rumusnya, usahawan Muslim yang mengamalkan ciri-ciri keusahawanan Islam iaitu dengan mempamerkan akhlak yang tinggi seperti tanggungjawab, adab dalam menjalankan perniagaan, jujur dan sifat yang baik berpotensi untuk meraih kejayaan dalam jangka masa panjang dan berterusan. Secara tidak langsung ia juga meningkatkan kualiti hidup usahawan wanita B40.

Kata kunci: Akhlak, Niat, Gelagat, Usahawan Wanita B40, Kualiti Hidup

GOVERNMENT ROLE IN DIGITAL TRANSFORMATION TO STRENGTHEN MALAYSIA'S HALAL SMES

SITI HAWA BT RADIN EKSAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

sitihawa@kuis.edu.my

ABSTRACT

In current business environment, Malaysian government have looking forward to digitalization for increase the sustainability. Where industry was encouraged to involve the digital economy. era, SMEs struggle to compete in a rapidly changing and dynamic market. Therefore, through digital transformation (DT), SMEs seeks to increase their competitive advantage, improve business performance, and achieve business growth. This study aims to discover the barriers, and the roles of government, for digital transformation in Halal SMEs. This study applied a qualitative approach involving semi structured in-depth interviews with top management of halal SMEs. The study's findings will provide insights to halal SMEs and suggest that the government could enhance the current policies and programs to support digital transformation among halal SMEs.

Key words: Digitalization, Halal, SMEs

ETIKA KERJA ISLAM DAN KOMITMEN KERJA

NORATIQA H IZZATI BINTI MOHAMAD NORANUAR
NOOR RAUDHIAH ABU BAKAR

Faculty of Management and Muamalah
International Islamic University College Selangor, Malaysia
raudhiah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Komitmen kerja penting dalam meningkatkan prestasi organisasi. Salah satu faktor yang dijangka meningkatkan lagi komitmen kerja ialah etika kerja Islam. Etika kerja Islam sangat penting di dalam sesebuah organisasi sekaligus akan mempengaruhi kehidupan seharian kita sebagai seorang manusia. Walaupun etika kerja Islam penting namun kajian berkaitan amat kurang dan kajian mengaitkan etika kerja Islam dengan komitmen kerja juga terhad. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap amalan etika kerja Islam serta mengkaji hubungan di antara etika kerja Islam dan komitmen kerja. Terdapat empat item dalam etika kerja Islam yang dikaji iaitu usaha, kejujuran, amalan berkumpulan dan akauntabiliti. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan borang soalselidik sebagai kaedah kutipan data. Borang soalselidik diedarkan menggunakan media sosial terkini iaitu email dan whatapps. Kajian ini berjaya mendapatkan data dari 97 responden yang terdiri dari kakitangan pentadbiran dan akademik di sebuah Kolej Swasta di Selangor. Hasil kajian mendapati tahap kesemua etika kerja Islam adalah tinggi. Hasil kajian juga mendapati kesemua-empat item dalam etika kerja Islam yang dikaji iaitu usaha, kejujuran, amalan berkumpulan dan akauntabiliti berhubungan secara positif dan signifikan dengan komitmen kerja. Hasil kajian menunjukkan semakin tinggi etika kerja Islam, maka semakin tinggi komitmen kerja. Ini menunjukkan etika kerja Islam amat penting serta dapat meningkatkan komitmen kerja dan seterusnya meningkatkan lagi prestasi organisasi. Kajian ini diharapkan agar dijadikan panduan kepada semua organisasi untuk menekankan pelaksanaan amalan etika kerja Islam dalam sesebuah organisasi.

Kata kunci: *Komitmen Kerja, Etika Kerja Islam, Usaha pekerja, Kejujuran, Kerja berkumpulan,*

FAKTOR MEMPENGARUHI TEKANAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN SEMASA PANDEMIK COVID-19 DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

MOHAMMED RIZKI MOI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
rizki@kuis.edu.my

UMMI AIMAH ADNAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ummiaimah@gmail.com

UMMI MUNIRAH SYUHADA MOHAMAD ZAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ummi@kuis.edu.my

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor mempengaruhi tekanan pembelajaran atas talian semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ini adalah aspek pembelajaran, aspek kewangan, aspek peribadi dan aspek pengurusan masa. Responden kajian adalah seramai 222 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang telah menggunakan pembelajaran atas talian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pembelajaran, aspek kewangan, aspek peribadi dan aspek pengurusan masa.

Keywords: Tekanan Pembelajaran atas Talian, Pembelajaran, Kewangan, Peribadi, Pengurusan Masa

MANUAL PROSEDUR PENSIJILAN HALAL MALAYSIA 2020: KE ARAH PEMERKASAAN INDUSTRI HALAL MALAYSIA

**FARAH MOHD SHAHWAHID,
DR. AZIZAH MAT RASHID,
NAWAL SHOLEHUDDIN.**

Jabatan Undang-undang,
Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
farahms@kuis.edu.my

ABSTRAK

Peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal telah memacu perkembangan pesat industri halal Malaysia. Seiring dengan perkembangan ini, wujud keperluan untuk undang-undang halal dikemaskinikan sebagai langkah menangani isu-isu tertentu yang timbul dalam kalangan pengusaha-pengusaha industri halal, pengguna dan pihak berkuasa. Kajian ini ingin melihat bagaimana kandungan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2020 dapat memenuhi keperluan industri halal dan menyelesaikan isu-isu berkaitan halal masa kini. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan membuat analisis dokumen dan temubual pakar bidang. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak pembaharuan dan penambahbaikan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang baru ini dan kandungannya juga selari dengan perundangan-perundangan lain yang berkaitan dengan industri halal. Pemantauan berterusan dan penguatkuasaan efektif adalah diperlukan bagi memastikan perundangan ini dapat dilaksanakan dengan baik dalam industri halal negara.

Kata kunci: industri halal Malaysia, pensijilan halal, undang-undang halal, penguatkuasaan undang-undang

FAKTOR INOVASI PERSONAL TERHADAP KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN PERAKAUNAN MENGGUNAKAN PERMAINAN DIGITAL

**SHUHAIMI JAAFAR
NOR SUHAILY BAKAR
NORLIA MOHD YUSOF**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

YUSRI ABDULLAH

Universiti Perguruan Sultan Idris

ABSTRAK

Pemerhatian dan rekod pencapaian pelajar dalam subjek perakaunan adalah rendah terutamanya yang bukan dari kursus perakaunan. Ini adalah kerana mereka beranggapan bahawa subjek perakaunan adalah tidak penting dan sukar di fahami. Kajian ini dijalankan bagi menentukan tahap kesediaan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) terhadap pembelajaran perakaunan berasaskan permainan digital (android) yang berpandukan kepada Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*). Terdapat tiga pembolehubah yang ditumpukan iaitu Efikasi Kendiri (EK), Inovasi Personal (IP) dan Kesediaan Pelajar (KP). Walau bagaimanapun hanya faktor Inovasi Personal (IP) diketengahkan dalam kajian deskriptif ini. Dapatan menunjukkan pembolehubah IP dinyatakan pada tahap yang sederhana dalam pembelajaran perakaunan berasaskan permainan digital.

Kata kunci: Kesediaan, Pembelajaran Perakaunan, Inovasi Personal, Permainan Digital

UNRAVELING CONSUMER BEHAVIORAL INTENTIONS TOWARD SHARING ECONOMY SERVICES

MARDZIYANA MOHAMAD MALOM

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
2020822252@student.uitm.edu.my

MUHAMAD HILMAN ROSELAN

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
2020690936@student.uitm.edu.my

AHMAD ZHAFRI ABDUL GANI

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
2020605412@student.uitm.edu.my

ABSTRACT

The objective of this study was to assess the consumer behavioral intention factors toward sharing economy services in Malaysia. Qualitative semistructured interviews were conducted with selected 6 participants in Klang Valley and Segamat in December 2021. Interviews were transcribed verbatim and analyzed using a grounded theory approach. Participants were interested in online food ordering and spoke favorably about consumers' experiences. The findings identified factors that influenced intentions and the switching factors towards the consumer trends in the future. Specifically, these findings reported that social influences, perceived benefits, convenience, economic values, effort expectancy, perceived risks, user experience, and interactivity were identified as major drivers for generating consumers' food delivery purchase intentions. Meanwhile, user experience, economic values, convenience, effort expectancy, perceived benefit, perceived risk, and facilitating conditions were factors triggering the switching trend in consumer behaviour in the future of sharing economy services. Findings can inform pilot tests for food delivery services.

Keywords: Behavioral intention, Sharing economy, Food delivery services, Qualitative, Grounded theory

PENGARUH INFLASI TERHADAP INDEKS PEMBANGUNAN MANUSIA (IPM) DI MALAYSIA

HALİYANA BINTI TONOT

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
haliyana@kuis.edu.my

NORAZNIDA BINTI HUSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noraznida@kuis.edu.my

MARHAINI BINTI ABDUL GHANI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
marhaini@kuis.edu.my

ABSTRAK

Inflasi menyumbang terhadap ekonomi sesebuah negara dan pembangunan sesebuah negara merupakan suatu proses yang berterusan. Indeks Pembangunan Manusia (IPM) atau *Human Development Index (HDI)* merupakan salah satu indikator yang boleh digunakan untuk menganalisis pembangunan sosia-ekonomi sesebuah negara dan juga melihat pembangunan manusia di negara tersebut. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh kadar inflasi terhadap kadar Indeks Pembangunan Manusia (IPM) dan mengkaji perubahan elastisiti terhadap kadar Indeks Pembangunan Manusia (IPM) di Malaysia. Kaedah analisis yang digunakan adalah deskriptif kuantitatif dengan menggunakan data sekunder dari Jabatan Perangkaan dari tahun 2000 -2020. Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis kolerasi, analisis determinasi, analisis linear regresi, ujian *t-test* dan ujian elastisiti. Dapatan analisis dijangka menunjukkan terhadap hubungan yang sederhana negatif antara inflasi dengan indeks pembangunan manusia (IPM) dan dirumuskan bahawa kadar inflasi tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap indeks pembangunan manusia (IPM) dan perubahan elastisiti inflasi terhadap indeks pembangunan manusia (IPM) adalah tidak elastik.

Kata Kunci : Inflasi, Indeks Pembangunan Manusia

HUBUNGAN DI ANTARA KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF DENGAN KEMAHIRAN BEKERJA SECARA BERPASUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR KUIS

HANIS FATIHAH MOHAMAD NAZAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
18bb02022@student.kuis.edu.my

SAFURA AHMAD SABRI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
safura@kuis.edu.my

NURAU LIANI JAMLUS RAFDI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nurauliani@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kemahiran kerja berpasukan merupakan antara elemen terpenting yang menjadi pelengkap kepada kemahiran insaniah dalam menghasilkan individu yang kompeten dan berkualiti serta seimbang dari sudut akademik mahupun interpersonal. Perkara ini telah lama diperkatakan dan masih dalam proses penambahbaikan dalam mengatasi isu kebolehpasaran dan pengangguran dalam kalangan pelajar khususnya yang baru menamatkan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Maka tidak hairanlah apabila perkara ini sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang berperanan dalam menghasilkan pelajar atau modal insan yang berpotensi dilengkapi dengan kemahiran insaniah bagi memenuhi pasaran semasa menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan, antaranya melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Justeru, kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Seramai 170 orang responden telah dipilih dalam kalangan pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan menjalankan analisis deskriptif dan Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar berada pada tahap yang tinggi serta terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara kaedah pembelajaran koperatif dengan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar. Ini membuktikan bahawa kaedah pembelajaran koperatif mampu mendorong pelajar dalam pelajaran iaitu seiring dengan kemahiran bekerja secara berpasukan pelajar kerana terdapat perbincangan dan kerjasama antara pelajar.

Kata kunci: Kemahiran insaniah, Kerja berpasukan, PdP, Pembelajaran koperatif.

TAHAP KEPUASAN PEKERJA DI MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB) SELANGOR

IZZIAN HAYATI ABDUL AIR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
19bb02017@student.kuis.edu.my

SAFURA AHMAD SABRI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
safura@kuis.edu.my

NUR FIKHRIAH TAKRIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nurfikhriah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tahap kepuasan kerja dalam organisasi menjadi salah satu topik yang sering dibincangkan dalam bidang pengurusan sumber manusia berikutan kepentingannya dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi. Kepuasan kerja juga memainkan peranan penting dalam kehidupan pekerja dari segi prestasi, motivasi, kecekapan kerja dan kesihatan mental yang secara tidak langsung dilihat menyumbang kepada tahap produktiviti serta peratusan kadar pusing ganti dalam sesebuah organisasi. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai tahap kepuasan pekerja di Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Selangor terhadap amalan pengurusan sumber manusia meliputi aspek penyeliaan, sistem penilaian prestasi, gaji dan kenaikan pangkat serta latihan dan pembangunan. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik daripada sejumlah 155 orang responden yang terdiri daripada kakitangan di MDSB dianalisa menggunakan perisian IBM SPSS iaitu dengan menjalankan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kepuasan pekerja terhadap keempat-empat amalan pengurusan sumber manusia yang dikaji iaitu penyeliaan, sistem penilaian prestasi, gaji dan kenaikan pangkat serta latihan dan pembangunan berada pada tahap yang tinggi. Maka, secara umumnya, pekerja di MDSB didapati berpuas hati dengan amalan pengurusan sumber manusia yang diamalkan di organisasi tersebut.

Kata kunci: Kepuasan pekerja, Penyeliaan, Sistem penilaian prestasi, Gaji dan kenaikan pangkat, Latihan dan pembangunan.

CHALLENGES IN ESTABLISHING A SUSTAINABLE HIGHER EDUCATION WAQF ECOSYSTEM

**MOKTHAR ISMAILⁱ,
FUADAH JOHARIⁱⁱ**

MOHD. NAZRI MOHD NOORⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Lecturer, Faculty of Management and Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

mokthar@kuis.edu.my

ⁱⁱ Assoc. Prof. Dr. Faculty of Economics and Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

fuadah@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Senior Lecturer, Faculty of Economics and Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

nazrimn@usim.edu.my

ABSTRACT

Waqf has four essential pillars: the founder (*waqif*), the waqf asset (*mawquf*), the beneficiaries (*mawquf alaih*), and the expression (*sighah*). These pillars comprised the foundation of the Islamic charity endowment's ecosystem. Other elements, however, are essential to complete the whole system in order to guarantee the ecosystem functions optimally. The need for more elements develops as a result of recent advances in digital technology, as well as financial and economic considerations. The goal of establishing a completely functional and sustainable waqf ecosystem is much more difficult in the context of higher education waqf. This article explored the challenges from the environmental, social, and governance (ESG) perspectives, with a specific focus on faith-based marketing to acquire support for higher education waqf empowerment.

Keywords: higher education waqf, ecosystem, sustainable, challenges

READINESS OF DESIGN-BASED INTERNS TO ENTER THE REAL-WORLD: THE EMPLOYERS' PERSPECTIVES ON ARCHITECTURE STUDENTS

SITI SARAH BINTI HERMAN

Universiti Putra Malaysia
h_sitisarah@upm.edu.my

NUR QAMARINA BINTI SHAROM

Universiti Sains Islam Malaysia
nurqamarina@usim.edu.my

NIK FAZLYSHAM BIN NIK MAT

Universiti Putra Malaysia
fazlysham@upm.edu.my

ABSTRACT

With the rising of Industrial Revolution (IR) 4.0, professionals are pushed to cater to the needs of the rising era. Education institutions alone are not capable of equipping the students with adequate skills as the institutions need to juggle between providing quality knowledge, developing design ability and implementing computer-aided design skills to the students. Guided learning and applying the learning knowledge is the best method of speeding the enhancement of the skill. With greater acknowledgement that learning takes place beyond the confines of a classroom, more emphasis has been placed on internship in an undergraduate course. Internships enable students to put to practise the lessons and theories learnt in the classroom. 77 questionnaires have been received and analysed. In conclusion, skills on technical and design are the most crucial skills that interns need to have. Intern is also expected to be equipped with design software skill and site exposure and reading design related literature may help in polishing the design skill of the interns. Despite the non-requirement by Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) for undergraduate students to undergo internship programmes, it is found that the programme is still in demand and recommended to be continued.

Keywords: Design-based students, internship, computer-aided, management, leadership

STOCK MARKET REACTION TO COVID-19 PANDEMIC: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

NURUL WAJHI BINTI AHMAD

Department of Accounting and Finance
Faculty of Management and Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurulwajhi@kuis.edu.my

ABSTRACT

Over the past few decades, countries all over the world have experienced tremendous economic growth via business globalization. However, the arrival of the COVID-19 pandemic has brought historic disruption to the global economy. The stock market also depicts various reactions towards the declaration of the COVID-19 as a global health emergency by the World Health Organization (WHO). The global stock markets' reaction towards the COVID-19 pandemic has led to negative and positive returns even though the responses were not uniform across countries. Thus, this paper aims to review the impact of COVID -19 declaration on stock market reactions. The review covers 36 related papers published until 2021 which were content analyzed with their theoretical background, research design, the scope of research, sampling/ data collection methods, data analysis, and thematic areas covered. The result indicates that the stock market reacts differently to the arrival of the COVID -19 pandemic.

Keywords: Covid-19, stock performance, stock return, stock price, systematic literature review

CABARAN YANG DIHADAPI USAHAWAN SISWAZAH DI MALAYSIA : SATU SOROTAN LITERATUR

HAFIDZAN FAUDZI

Kolej Universiti Islam Antabangsa Selangor (KUIS)
20pb01004@student.kuis.edu.my

SUHAILA NADZRI

Kolej Universiti Islam Antabangsa Selangor (KUIS)
suhaila.nadzri@kuis.edu.my

NORMAZAINI SALLEH

Kolej Universiti Islam Antabangsa Selangor (KUIS)
normazaini@kuis.edu.my

NORZIAH OTHMAN

Kolej Universiti Islam Antabangsa Selangor (KUIS)
norziah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kesan pandemik Covid-19 kepada dunia amnya dan Malaysia khususnya telah menjejaskan peluang pekerjaan dalam kalangan siswazah. Jumlah bilangan siswazah yang menganggur meningkat pada tahun 2020 berbanding pada tahun sebelumnya dengan kebanyakan daripadanya membabitkan golongan bumiputera. Ia menjadi lebih kritikal apabila sebahagian besar jumlah siswazah yang menganggur ini adalah dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 yang bergantung kepada gaji dan upah sebagai sumber pendapatan utama mereka. Justeru, keusahawanan sebagai tulang belakang ekonomi negara menjadi pemangkin perubahan dan perkembangan ekonomi. Malah sejak pandemik melanda, aktiviti keusahawanan masih giat dilaksanakan demi kelangsungan industri, komuniti dan individu. Oleh itu keusahawanan merupakan kerjaya yang harus diberi perhatian oleh siswazah selain makan gaji. Artikel ini mengkaji cabaran dan halangan yang dihadapi oleh siswazah ketika menceburkan diri dalam bidang keusahawanan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Cabaran dan halangan utama yang dihadapi oleh siswazah yang bergelar usahawan adalah kekurangan kemahiran rundingan, keyakinan diri yang rendah, kekurangan akses kepada latihan dan kursus mengenai keusahawanan, serta kemudahan pinjaman jangka panjang yang terhad. Usahawan siswazah diharap dapat mempersiapkan diri dengan ilmu berkaitan keusahawanan agar berdaya tahan dan berjaya dalam bidang ini.

Kata Kunci: Cabaran, Bumiputera, Siswazah, Keusahawanan.

THE ADOPTION OF AGRICULTURE TECHNOLOGY IN IMPROVING ECONOMIC WELL-BEING OF SMALLHOLDERS IN PALM OIL INDUSTRY

NORFAIZAH OTHMAN,
MARIANI ABD-MAJID*
SUHAILA NADZRI**,
SITI AISYAH ZAHARI***

*Universiti Kebangsaan Malaysia,

** Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRACT

The adoption of agriculture technologies in the palm oil industry enhance the production of palm oil. Even though the adoption of agriculture technology is very significant, most of the smallholders are reluctant to move toward the new technology as well as hesitate to invest in new technology. This affected the total output, productivity and income of the smallholders. In addition, for the smallholders in Peninsular Malaysia, they faced a huge drop in income about RM1, 250 in year 2018. Therefore, this study aims to understand the current practises of smallholders and the adoption of agriculture technology into their lives. To achieve the objective of this study, we will employ a basic qualitative research design and conduct semi-structured interview among the smallholders in Selangor. We adapt the domestication theory for conceptual framework development and as a guide for our semi-structured interviews. The study found that most of the smallholders integrated agriculture technology in their daily lives. The finding contribute to the extending knowledge on process of adoption agriculture technology in the phases of domestication theory. Thus, this study provides important implications for smallholders to increase their economic well-being by the adoption and usage of agriculture technologies in their current practises in farming management activities such as cultivation, seeding, fertilization, herbicide application and harvesting. The successful adoption and usage of agriculture technology among smallholders will enable them to perform their daily activities and subsequently contribute to their economic well-being in the long term.

Keywords: agriculture technology, smallholders, palm oil industry, economic well-being

CORAK KAJIAN KEBOLEHPASARAN DAN PENGANGGURAN SISWAZAH DI MALAYSIA: SATU SOROTAN ANTARA 2015-2020

FADILAH MAT NOR

Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
fadilahmn@kuis.edu.my

NORFAIZAH OTHMAN

Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norfaizah@kuis.edu.my

AZA SHAHNAZ AZMAN

Fakulti Pengurusan & Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
azashahnaz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kebolehpasaran dan pengangguran dikalangan siswazah merupakan isu global yang belum berkesudahan. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan fasa pandemik yang melanda negara akhir tahun 2019 dilihat sebagai satu cabaran baru bagi isu tersebut. Kajian ini cuba mengenenagahkan corak kajian kebolehpasaran dan pengangguran siswazah di Malaysia dalam tempoh tersebut. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisa jadual matriks *Systematic Literature Review (SLR)* melibatkan kajian-kajian lepas antara tahun 2015-2020. Hasil kajian dijangka akan memberikan corak kajian yang paling ketara mengenai kebolehpasaran iaitu kajian mengenai kemahiran, ciri dan nilai yang menjadi faktor utama kebolehpasaran siswazah dalam pasaran buruh, Hasil kajian juga menjangkakan terdapat kaitan kajian antara perubahan keperluan kemahiran, ciri dan nilai terhadap IR 4.0 dan fasa pandemik. Selain itu, akan didapati juga masih berlaku peningkatan jumlah kajian berkaitan kebolehpasaran yang mungkin disebabkan oleh isu pengangguran dikalangan yang semakin kritikal sehingga kini terutama selepas negara melalui fasa pandemik.

Kata Kunci: Kebolehpasaran, Pengangguran Siswazah, Revolusi Industri 4.0, SLR

A STUDY ON CONSUMER'S PERCEPTION OF E-WALLETS IN SELANGOR

JUNAINAH IDRIS

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
junainah@kuis.edu.my

MUHAMMAD IZZAT HIDAYATULLAH HAMZAH

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRACT

The use of e-wallets has started to increase since Malaysia was hit by Covid-19. Economic sectors that restrict freedom of movement and face-to-face meetings have led many merchants to use e-wallets and electronic payment systems. This is especially noticeable when the installation of e-wallets is no longer concentrated in malls or stores but now e-wallets have also been used by small vendors on sidewalks, food trucks, and stalls. This phenomenon is a good sign for a cashless society. Accordingly, this study was conducted to look at consumers' perceptions of the use of e-wallets in the payment of their purchases. The scope of this study is consumers in the state of Selangor. A total of 150 respondents answered the questionnaire conducted online using the google form platform. Data for this study were analyzed using SPSS software. The findings of the study showed that users' perceptions of ease of use and usefulness were at a high level with an overall mean score value of 4.95 and 4.15 respectively. Consumer attitudes towards actual consumption were also at a high level with an overall mean score value of 3.95. In addition, the findings of the study also show that users' perceived ease of use and perceived usefulness have a significant relationship with users' attitudes towards e-wallets.

Keywords: E-payment, Digitalization, Perceived ease of use, Perceived usefulness, Attitude

DO CO-WORKER'S SUPPORT, TECHNOLOGY, AND WORK ENVIRONMENT AFFECT PERCEIVED EMPLOYEE ENGAGEMENT WHILE WORKING FROM HOME?

ROSMAH MOHAMED

School of Business and Economics,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia
m_rosmah@upm.edu.my

ZIKREL AZLI BAHARUDDIN

Inland Revenue Board of Malaysia,
Cyberjaya, Malaysia
zikzack7996@gmail.com

ABSTRACT

On 18 March 2020, the government of Malaysia has implemented the Movement Control Order in order to increase social distancing and to prevent the spread of the COVID-19 virus. This has resulted in employers seeking alternative work arrangements, especially in a city centre like Klang Valley. As employees are unable to commute to work, many employers implemented work from home. Therefore, work from home has become a new normal for almost all organizations in Malaysia. However, it is unclear to what extent that this new normal affect employee engagement. Thus, this study aims to investigate the association between work from home and perceived employee engagement. The quantitative method was used in this study where self-administered questionnaires were employed as a research instrument. This study examined 94 employees who are working in both the public and the private sectors in Klang Valley, Malaysia (62 males, 32 females) to measure how co-worker's support, technology and work environment affect perceived employee engagement while working from home. Data were collected through an online survey, with questions about co-worker's support, technology, work environment, perceived employee engagement, and demographics. Multiple regression was used to statistically analyze the hypotheses. The results found that there were significant positive associations between co-worker's support, technology and perceived employee engagement while working from home, but there was no significant positive association between work environment and perceived employee engagement while working from home. This study has a significant impact to the alternative work arrangements in public and private organizations in Klang Valley, Malaysia.

Keywords: Alternative Work Arrangement, Work From Home, Perceived Employee Engagement, Employer

COUNTERING FAKE NEWS: ISLAMIC AND MALAYSIAN LEGAL PERSPECTIVES

INTAN NADIA GHULAM KHAN

Universiti Sains Islam Malaysia

intan@usim.edu.my

HALIZA A. SHUKOR

Universiti Sains Islam Malaysia

hliza@usim.edu.my

HASNIZAM HASHIM

Universiti Sains Islam Malaysia

hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

Sustainable Development Goals (SDGs) aim to produce common goals that would tackle critical environmental, political and economic challenges. Among others, SDG 16 which promotes peaceful and inclusive societies for sustainable development and provides access to justice for all, is related with freedom of expression. Freedom of speech and expression is one of the fundamental liberties protected under the Federal Constitution, which is the supreme law in Malaysia and at the same time, the Federal Constitution allows certain limitations attached to such freedom. Hence, various laws have been enacted by Parliament to draw the limits of such freedom. Fake news is regarded as a threat to freedom of speech and expression which may cause unrest among the public and cause various adverse effects. The spread of fake news through various communication mediums is one of the serious issues in Malaysia. Based on library research method, this paper aims at examining the perspectives of Islamic Law and the relevant laws in Malaysia in countering fake news. The findings indicate that fake news under whatever reason is a crime that goes completely against the teachings of Islam and may cause public outrage and unrest in the country. Malaysian laws in this respect show several developments which are intended to counter fake news and at the same time safeguard the freedom of speech in line with the Federal Constitution and SDGs.

Keywords: Freedom of Speech, Fake News, Islamic Perspective, Federal Constitution, Malaysia

KECENDERUNGAN MAHASISWA MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN: SUATU KAJIAN KES

NORZIAH OTHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor norziah@kuis.edu.my

MUHAMMAD NAZRUL SYAFIK MOHD AFFENDI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

19bb02014@student.kuis.edu.my

ABSTRAK

Elemen keusahawanan diterapkan dalam kurikulum di institusi pengajian tinggi tempatan bertujuan mendedahkan mahasiswa secara lebih intensif dengan ilmu perniagaan. Banyak faktor yang mempengaruhi keputusan dan tindakan seseorang mahasiswa untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor paling dominan yang menjadi pendorong kepada mahasiswa menceburi bidang keusahawanan. Seramai 183 orang mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Rekabentuk kajian tinjauan melalui instrumen kajiselidik diagihkan kepada responden secara atas talian. Data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 26.0)* bagi mengukur nilai min bagi tahap setiap faktor pendorong yang telah dikenalpasti berdasarkan kajian lepas. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kecenderungan mahasiswa terhadap bidang keusahawanan secara keseluruhannya adalah disebabkan oleh sokongan keluarga yang memainkan peranan penting dalam memupuk minat dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Keluarga boleh bertindak sebagai agen pendorong dalam membantu memupuk kecenderungan mahasiswa dalam bidang keusahawanan. Motivasi turut memberikan impak yang besar pada diri selain kemahiran keusahawanan yang perlu dimiliki oleh setiap mahasiswa dalam mengurus perniagaan dengan berkesan. Kesimpulannya, semua pihak harus memberi perhatian dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk terus membantu meningkatkan potensi mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah bergraduat.

Kata Kunci: Kecenderungan Keusahawanan, Sokongan Keluarga, Motivasi, Kemahiran Keusahawanan

INSTAGRAM USE AND ITS EFFECT ON USER'S PSYCHOLOGY AND BEHAVIOR

SHARIFAH SOFIAH SYED ZAINUDIN¹
MAISARAH MALIKI

Universiti Putra Malaysia
sharifahsofiah@upm.edu.my

ABSTRACT

Instagram is a popular social media platform for photo and video sharing. Over 60% of young users aged between 25 to 30 are more likely to log in to Instagram on a daily basis with over 4 billion posts per day. In 2021, Malaysia had about 15 million Instagram users, while broken down by gender, females between 23 to 34 years old are the highest users of the site. However, the excessive use of Instagram may lead to cyberbullying, low self-confidence and depression as a result of comparing one's own life with others. The primary objective of the study is to identify the effect of Instagram use on user's psychology and behaviour. This study employed a qualitative method through in-depth interviews. Ten university students were selected as participants based on purposive sampling. The results indicated that the users have a high acceptance level towards Instagram and use the platform for photo sharing. Also, the majority of participants feel more confident and comfortable using Instagram applications to communicate through story, post, Instagram live, hashtag, reels, comment and IGTV video. Overall, the finding indicated that Instagram use positively affected the user's behavior and psychology. As a result, users engage with Instagram more intensively. This finding provides in depth information regarding the effects of Instagram use, particularly among university students. Future study should expand the demographics of the respondents into different targeting groups to understand different effects that may cause from Instagram usage.

Keywords: Instagram, social media site, communication, psychology, behaviour

ANALISIS PERBANDINGAN KESEJAHTERAAN ORANG MELAYU SEBELUM DAN SELEPAS PILIHAN RAYA KE 14 DARI ASPEK KESELAMATAN

MOHD NASIR DRAHMAN

Post Graduate Student, Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia

nasimuhd156@gmail.com

HARLIANA HALIM*

RIKI RAHMAN

Centre For General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

harliana@uthm.edu.my

riki@uthm.edu.my

*Corresponding Author

SYAMIMI WAZNAH HAMDON

RAFINA ROSE BINTI NASARUDDIN

Post Graduate Student, Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia

mimiwaznah@gmail.com

rafinaro@tnb.com.my

ABSTRAK

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, telah diadakan pada 9 Mei 2018 menunjukkan keputusan yang mengejut bahawa buat pertama kali dalam sejarah politik pilihan raya di negara ini berlakunya perubahan politik iaitu Barisan Nasional (BN) telah tewas kepada gabungan pakatan pembangkang yang menggunakan logo Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau dengan gelaran Pakatan Harapan (PH) dan Parti Warisan Sabah dengan 122 kerusi Parlimen, 79 kerusi Parlimen dimenangi BN serta PAS yang bertanding bersendirian hanya mendapat 18 kerusi Parlimen. Selepas Pilihan Raya ke 14, kaum bukan Melayu mempertikaikan hak istimewa Orang Melayu, kuasa Sultan, agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan Malaysia, dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan. Seolah-olah Kemenangan Pakatan Harapan ini memberi kuasa kepada kaum bukan melayu mempertikaikan Ketuanan Orang Melayu. Kajian ini menganalisis kesan Pilihan raya Umum ke 14 kepada kesejahteraan orang Melayu selepas kekalahan Barisan Nasional atau UMNO yang menjadi tonggak utama dalam membela nasib orang Melayu. Kajian ini memaparkan kegagalan kerajaan Pakatan Harapan membela permasalahan orang Melayu dan perpaduan antara kaum yang menjadi kritikal. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengkaji kesejahteraan kaum Melayu selepas Pilihan raya Umum ke 14 dan metod tringulasi diaplikasikan untuk pengesahan data kualitatif. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesejahteraan orang Melayu sebelum dan selepas Pilihan Raya ke 14 dari aspek keselamatan. Kajian akan menjadi bahan rujukan asas kepada kajian-kajian baru yang menyentuh kesejahteraan Orang Melayu pada masa akan datang.

Kata Kunci: Pilihan raya Umum ke 14 ; Orang Melayu ; Kesejahteraan ; Hak istimewa

KESEJAHTERAAN SOSIAL MASYARAKAT MELAYU DI MEDIA AKHBAR SINAR HARIAN 2018-2020

RAFINA ROSE BINTI NASARUDDIN

Post Graduate Student, Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia
rafinaro@tnb.com.my

HARLIANA HALIM*

SHAHIDAH HAMZAH

Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
harliana@uthm.edu.my
shahidah@uthm.edu.my
*Corresponding Author

SYAMIMI WAZNAH HAMDON

MOHD NASIR DRAHMAN

Post Graduate Student, Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia
mimiwaznah@gmail.com
nasirmuhd156@gmail.com

ABSTRAK

Kesejahteraan sosial masyarakat Melayu sejak akhir-akhir ini menjadi isu utama di dalam negara. Kesejahteraan sosial merupakan matlamat dan elemen utama untuk menentukan tahap pembangunan individu dan keluarga dalam sesebuah komuniti. Tahap pembangunan merujuk kepada gaya hidup, kelebihan atau cabaran hidup yang dilalui oleh sesebuah komuniti. Kesejahteraan sosial masyarakat Melayu selalu dikaitkan dengan isu-isu semasa yang dianggap rumit dan bermasalah dalam hidup masyarakat seperti keperluan bantuan kewangan, masalah keluarga, pendidikan dan pelbagai lagi masalah yang berlaku dalam komuniti. Imej Melayu dan isu yang dilaporkan di media akhbar ditonjolkan kepada umum dalam pelbagai "corak" sama ada positif, negatif ataupun neutral. Media akhbar di Malaysia banyak memainkan peranan dalam menonjolkan imej Melayu dan isu berhubung kesejahteraan sosial terutamanya media akhbar seperti Sinar Harian. Justeru, kajian ini akan memfokuskan kepada isu kesejahteraan sosial masyarakat Melayu yang telah dilaporkan di akhbar Sinar Harian seperti yang dinyatakan bagi menganalisis topik dan laporan serta maklumat yang disampaikan kepada orang ramai berhubung dan dilihat sebagai menggugat kesejahteraan sosial masyarakat Melayu selang masa tahun 2018 sehingga 2020. Hasil kajian mendapati keseluruhan isu yang dilaporkan oleh media akhbar ini turut menyumbang dalam memberi gambaran holistik dan tepat berhubung kesejahteraan sosial masyarakat Melayu yang sebenarnya dihadapi oleh masyarakat Melayu. Dengan adanya sumbangan Sinar Harian ini, tindakan yang tepat oleh pihak berkenaan dapat dirancang bagi mengatasi masalah berkenaan.

Kata Kunci: Pilihan raya Umum ke 14 ; Masyarakat Melayu ; Kesejahteraan Sosial ; Isu akhbar ; Sinar Harian

CABARAN PENYESUAIAN AKADEMIK SISWA GURU OKU PENGLIHATAN DI SALAH SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU

THE CHALLENGE OF ACADEMIC ADAPTATION OF VISUALLY IMPAIRED STUDENTS AT ONE OF THE INSTITUTES OF TEACHER EDUCATION

ARMAN ABD SANI

Universiti Malaysia Sabah

arman@ipgkik.edu.my

MUHAMMAD IDRIS BIN BULLARE @ BAHARI

Universiti Malaysia Sabah

ferlis@ums.edu.my

PETER VOO SU KIONG

Universiti Malaysia Sabah

peter@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran penyesuaian akademik dalam kalangan siswa guru pelatih Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan di Institut Pendidikan Guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan lima responden yang merupakan siswa guru pelatih OKU penglihatan di salah sebuah Institut Pendidikan. Alat kajian yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada siswa guru pelatih di IPG. Dapatan kajian menjawab persoalan kajian yang dikemukakan iaitu apakah cabaran penyesuaian akademik dalam kalangan siswa OKU penglihatan di Institut Pendidikan Guru. Antara cabaran penyesuaian akademik yang dikenalpasti dalam kalangan siswa guru pelatih OKU penglihatan ini ialah penyesuaian di dalam kelas, bahan-bahan bacaan dan rujukan yang terhad, pengurusan diri dan masa serta kemudahan pembelajaran sedia ada. Beberapa cadangan perlu diambil kira iaitu peranan IPGM dan IPGK dalam membantu siswa guru pelatih OKU penglihatan dalam penyediaan kemudahan serta pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk mereka.

Kata kunci: Cabaran, penyesuaian akademik, siswa guru pelatih, Orang Kurang Upaya (OKU), Penglihatan, Institut Pendidikan Guru (IPG)

ABSTRACT

The aim of this study was to identify the challenges of academic adaptation among students of trainee teachers with disabilities (OKU) vision at the Institute of Teacher Education. The study used the design of a case study. The sampling technique was intended to have been used by involving five respondents who were students of the visually impaired trainee teacher at one of the Institutes of Education. The study tool used is a semi-structured interview. In analyzing the data collected, the study uses a descriptive qualitative study that is proses analyzing data from interviews that have been made. The respondents for this study were students of trainee teachers at IPG. The findings of the study answer the question of the study presented as to what are the challenges of akademik adaptation among visually impaired students at the Institute of Teacher Education. Among the challenges of academic adaptation identified among the students of the visually impaired trainee teachers are adaptation in the classroom, limited reading and reference materials, self-management and time as well as existing learning facilities. Several recommendations should be taken into account, namely the role of IPGM and IPGK in assisting the students of the disabled trainee teachers in the provision of facilities as well as the implementation of teaching and learning programs suitable for them.

Keywords: Challenges, Academic Adaptation, Trainee Teacher Students , Disabled Visual Impairment, Institute Of Teacher Education.

PENGAPLIKASIAN IDEA DAN MODEL PENGKARYAAN SASTERA ISLAM: SOROTAN TERHADAP PENGAMALAN ANTARA MALAYSIA DENGAN INDONESIA

MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Emel : adiamzar@usim.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini cuba untuk memperhalusi dan membahaskan berkenaan idea dan model sastera Islam yang sedia wujud di negara kita dan juga Indonesia. Pada suatu sudut, perkembangan idea sastera Islam di Malaysia wujud lebih awal daripada Indonesia sekitar tahun 70-an tetapi daripada aspek pengamalannya ke dalam konteks penulisan agak kurang berbanding Indonesia. Ini dapat dilihat dengan kemunculan fenomena NORI iaitu singkatan kepada Novel Remaja Islam yang cukup hangat di Indonesia sekitar tahun awal 2000 sehingga menjaral arus kehangatannya sehingga ke hari ini. Justeru, objektif makalah ini adalah untuk merungkai sedikit pensejarahan dan fenomena perkembangan sastera Islam dalam konteks kedua-dua buah negara dan seterusnya melihat kepada tahap pengamalan dan pengaplikasian model dan idea sastera Islam yang sedia ada. Hasil penelitian terhadap kewujudan idea, teori mahupun model sastera Islam di kedua-dua negara tersebut, wujud beberapa idea dan model yang cukup signifikan dan kukuh pada landasan teorinya seperti Teori Takmilah, Gagasan Persuratan Baru, Pengkaedahan Melayu di Malaysia. Merujuk di Indonesia pula, kewujudan beberapa teori seperti Sastera Profetik dan lain-lain lagi menjadi asas yang kuat kepada pengamalan dan pengaplikasian sastera Islam kepada bentuk yang realiti dengan kemunculan beberapa muka baru dalam dunia penulisan sastera Islam di Indonesia seperti Habiburrahman El-Shirazy. Rumusannya, walaupun perkembangan awal idea dan teori berkenaan sastera Islam tersebut dikesan lebih awal di Malaysia namun pada tahap pengamalannya boleh dikatakan rendah berbanding Indonesia yang lebih terkehadapan dalam memartabatkan pengkaryaan sastera Islam yang berwajah baru.

Kata Kunci: Sastera Islam, Malaysia, Indonesia, pengkaryaan

SANGGAHAN AL-BUTI TERHADAP PENYELEWENGAN SASTERA : SATU RENUNGAN DALAM SASTERA ISLAMI RETROSPEKSI DAN VISI

MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI

Program Bahasa Arab & Kesusasteraan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti
Sains Islam Malaysia.

Emel : adiamzar@usim.edu.my

MOHD FAHIMI ZAKARIA

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Emel : fahimimuhandis@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini cuba untuk mengetengahkan pemikiran dan ketokohan ulama Islam yang dikaji dalam kesempatan ini iaitu Shaykh Muhammad Said Ramadan al-Buti yang juga merupakan seorang alim ulama yang sangat terkenal dalam dunia Islam khususnya dan antarabangsa amnya. Walaupun pada realitinya keilmuan beliau lebih terarah kepada ilmu Islam seperti Fiqh, Tafsir, Sirah dan juga sebagainya, tetapi terselit juga sedikit untaian idea dan pemikiran berkenaan sastera Islam yang menjadi fokus utama perbincangan mengenai pemikiran beliau dalam makalah ini. Untuk merealisasikan hala tuju makalah ini, pemikiran beliau mengenai sastera Islam dibedah secara langsung menerusi analisis kandungan melalui pencerapan secara terus terhadap buku Sastera Islam Retrospeksi Dan Visi yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Mohammad Syafiq Ismail. Hasil penelitian terhadap pemikiran al-Buti terhadap sastera Islam menerusi buku tersebut, wujud beberapa idea berupa sanggahan beliau terhadap ideologi bukan Islam yang bermaharajalela dalam dunia kesusasteraan moden disamping harapan beliau agar sastera Islam dapat berwajah baru dan lebih idealistik dalam menghadapi cabaran pemikiran arus moden yang sukar dijangka.

Kata Kunci: Al-Buti, Sastera Islam, Penyelewengan, Sastera

MASALAH PENGURUSAN HARTA PUSAKA BERKAITAN ORANG HILANG (AL-MAFQUD)

MOHAMAD ALI ROSHIDI BIN AHMAD

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

roshidi@fpe.upsi.edu.my

RUSLIZA BINTI YAHYA

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

rusliza@fpe.upsi.edu.my

ABSTRAK

Al-mafqud berasal dari bahasa Arab dan bermaksud seseorang yang hilang daripada tempat asalnya. Dianggap hilang apabila terputus khabar berita, tidak diketahui di mana berada, tidak diketahui sama ada masih hidup atau mati, dan berlalu tempoh yang boleh dianggap hilang. Dalam konteks pembahagian harta pusaka, harta seseorang al-mafqud tidak boleh dianggap sebagai harta pusaka selagi dia tidak dibuktikan telah meninggal dunia. Undang-undang di Malaysia telah menetapkan bahawa pengesahan kematian al-mafqud boleh dibuat melalui permohonan Sijil Anggapan Kematian dari mahkamah tinggi sivil. Dalam hal ini, Seksyen 108, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan tempoh yang membolehkan seseorang yang hilang itu dianggap telah mati mestilah selama tujuh tahun atau lebih, dengan syarat tiada khabar berita tentangnya dan tiada tanda-tanda bahawa dia masih hidup. Harta yang ditinggalkan oleh al-mafqud tidak boleh dibahagikan selagi tidak diputuskan 'kematian' oleh mahkamah melalui pengisytiharan anggapan kematian. Harta pusaka yang ditinggalkan merupakan harta yang boleh diwarisi oleh waris-waris yang berhak kecuali wasiat dan hutang-hutang si mati. Oleh itu, harta al-mafqud perlu diuruskan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti ahli waris yang terdekat supaya secara urusan seperti aliran tunai individu, perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Kata kunci: Harta pusaka, al-mafqud, harta beku, faraid

CADANGAN RANGKA KERJA KONSEPTUAL BAGI NIAT MEMBELI PRODUK TERPAKAI BERJENAMA MEWAH

INTAN SHAFINAZ AHMAD

Universiti Utara Malaysia

Email : intans_ahmad@yahoo.com

PM DR HASNIZAM SHAARI

Universiti Utara Malaysia

Email : zamree@uum.edu.my

PM DR SELVAN PERUMAL

Universiti Utara Malaysia

Email : selvan@uum.edu.my

ABSTRAK

Pasaran bagi barangan fesyen terpakai berjenama mewah adalah dijangka semakin berkembang pada tahun-tahun akan datang. Pasaran ini dikatakan berkembang empat kali lebih cepat berbanding pasaran fesyen berjenama mewah yang utama disebabkan adanya minat dalam kalangan pengguna terutamanya golongan Milenial dan generasi Z. Golongan ini dikatakan membeli dan menjual produk mewah terpakai tiga kali lebih cepat berbanding kumpulan umur pengguna yang lain. Dan pemangkin kepada pertumbuhan pasaran ini adalah platform digital yang membenarkan jual-beli itu dilakukan dengan mudah dan pantas. Banyak kajian sebelum ini yang memberikan tumpuan kepada pendorong kepada pembelian produk fesyen berjenama mewah yang baharu. Kajian yang berkaitan pembelian produk fesyen terpakai berjenama mewah masih agak terhad dijalankan terutamanya dalam konteks Malaysia sedangkan terdapat pelbagai platform yang menjual produk terpakai ini yang menunjukkan pasaran produk terpakai ini turut mendapat sambutan yang menggalakkan dalam pasaran Malaysia. Kertas kerja ini mencadangkan rangka kerja konseptual bagi niat membeli produk terpakai berjenama mewah dalam kalangan generasi Y dan generasi Z di Malaysia. Faktor ekonomi, hedonik, dan faktor peribadi pengguna dikenal pasti sebagai antara pendorong kepada pembelian produk terpakai berjenama mewah ini.

Kata Kunci : Produk terpakai, jenama mewah, Milenial, Generasi Z

A MISMATCH MADE IN HEAVEN: ANALYSIS OF ISLAMIC SOCIAL FINANCE SUCCESS STORIES AND PRIVATE BANK'S MONEY CREATION

AHMAD YANI ISMAIL

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Malaysia

Email: ahmadyani@kuis.edu.my

ABSTRACT

Islamic Social Finance has been identified as an important source of funding that can improve the livelihood of the underserved communities across the globe. Islamic Social Finance can also play vital role in improving the life of the disadvantaged populations. Private bank's money creation has been blamed for increasing inequality among the population. The aim of this investigation is to analyse the impact of bank's money creation on the Islamic Social Finance. Employing qualitative enquiry, the author attempts to establish the relationship between bank's money creation and Islamic Social Finance. The examination indicates the practice of money creation by private banking industry may eventually derail the good intention of Islamic Social Finance.

Keywords: Islamic Social Finance, money creation, private bank, Islamic bank, relationship

TEKANAN DALAM PENDIDIKAN DI SEKOLAH DI MALAYSIA: SUATU KAJIAN TINJAUAN

HAZLIN FALINA ROSLI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
hazlin@kuis.edu.my

NORZIAH OTHMAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norziah@kuis.edu.my

ABSTRACT

Tekanan yang akhirnya menyebabkan kemurungan dalam kalangan guru menjadi semakin kritikal yang akhirnya memberi kesan negatif kepada prestasi kerja dan institusi. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan terhadap guru terutamanya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan melibatkan data kuantitatif menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar merangkumi tahap tekanan kerja, dan komunikasi. Pemboleh ubah bersandar adalah tahap tekanan guru itu sendiri. Beberapa cadangan dalam menangani tekanan dalam kalangan guru juga dikenalpasti dalam kajian ini. Borang kajiselidik secara atas talian menggunakan *google form* adalah instrumen dan diedarkan kepada 123 orang guru di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapatkan nilai min dan hubungan kolerasi Pearson setiap pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar iaitu tahap komunikasi mempunyai hubungan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tekanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Peranan ibu bapa sangat penting dalam membantu meringankan tekanan yang dihadapi oleh guru dengan memantau kerja sekolah anak di rumah. Pihak sekolah dan kerajaan juga perlu turut sama membantu menyediakan kemudahan teknologi yang diperlukan oleh guru bagi memudahkan dan melancarkan pengajaran secara atas talian.

Kata Kunci: Tekanan, Pengajaran dan Pembelajaran, Kemurungan, Pendidikan.

PERLAKSANAAN GERBANG PEMBAYARAN DIGITAL TERHADAP PUNGUTAN LEMBAGA ZAKAT DI MALAYSIA

**NUR SURIANA AWALUDIN
DR ZAINAB AMAN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Melihat kepada perkembangan pesat penggunaan perkhidmatan e-wang dalam lanskap e-pembayaran dikalangan masyarakat Malaysia , maka institusi zakat di Malaysia telah memperkenalkan kaedah pembayaran zakat secara digitasi. Ini dapat dilihat dengan wujudnya apps seperti Kaunter Zakat Digital (KZD), Potongan Gaji Zakat Online, pembayaran zakat melalui 15 perbankan internet terpilih dan ejen-ejen yang dilantik dalam menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran antaranya Shopee, Boost, MyEG, Jompay, GoPayz dan PayHalal (Hussin, 2021). Oleh itu, dengan peningkatan e-wang di lanskap e-pembayaran yang seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0, peningkatan pada rangka kerja pengawalseliaan e-wang diperlukan untuk memastikan e-wang terus menjadi instrumen pembayaran yang selamat dan boleh dipercayai di tengah-tengah peningkatan fungsi dan kemajuan dalam pengaktifan teknologi. Ia adalah penting untuk memastikan keselamatan dana e-wang dan kesejahteraan EMI untuk mengurangkan potensi risiko kerugian kepada pelanggan, dan juga memupuk keyakinan masyarakat terhadap penggunaan e-wang. Seajar dengan inovasi dan inisiatif yang diambil oleh institusi zakat di Malaysia dan risiko yang tersedia dalam adaptasi e-pembayaran khususnya daripada perkhidmatan gerbang pembayaran, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji adakah kadar pungutan zakat seiring dengan kemudahan pembayaran digital atau fasilti yang tersedia dalam revolusi 4.0.

Kata Kunci : Gerbang pembayaran digital, lembaga zakat, pungutan dan pengagihan, revolusi industri 4.0, e-pembayaran.

PERANAN SISTEM KAWALAN PENGURUSAN (SKP) DALAM PENGURUSAN RISIKO PENDIGITALAN DI INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

NUR SURIANA AWALUDIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

DR KHAIRUL NAZIYA KASIM

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perkhidmatan gerbang pembayaran melalui kaedah e-pembayaran bertujuan memudahkan transaksi e-dagang dan bertujuan meningkatkan pengurusan risiko (Lowry et al., 2006). Namun begitu, e-pembayaran menghadapi banyak cabaran dan risiko yang menghalang pengembangan dan penyebarannya seperti (i) penipuan yang berlaku dalam sistem operasi e-pembayaran, (ii) pengelakan cukai daripada diketahui oleh pihak berautoriti, (iii) pembelian impuls iaitu terpengaruh dengan barangan yang dijual atas talian, (iv) penyedia perkhidmatan sistem gerbang pembayaran yang tidak jujur, (v) percanggahan pembayaran disebabkan pembayaran tidak dilakukan secara manual, yang boleh menjurus kepada kesilapan. juga dari (iv) aspek penggodaman (Nasr et al., 2020). Satu tinjauan yang dijalankan oleh Statista.com, melaporkan Malaysia merupakan negara yang aktif menggunakan perkhidmatan e-pembayaran dan e-dompet dengan statistik menunjukkan 30.13% daripada pengguna di Malaysia selesa menggunakan perkhidmatan e-pembayaran bagi urusan pembayaran (Statista.com, 2021). Melihat kepada perkembangan pesat penggunaan perkhidmatan e-wang dalam lanskap e-pembayaran dikalangan masyarakat Malaysia, maka institusi zakat di Malaysia telah memperkenalkan kaedah pembayaran zakat secara digitasi seperti wujudnya apps seperti Kaunter Zakat Digital (KZD), Potongan Gaji Zakat Online, pembayaran zakat melalui 15 perbankan internet terpilih dan ejen-ejen yang dilantik dalam menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran antaranya Shopee, Boost, MyEG, Jompay, GoPayz dan PayHalal (Hussin, 2021). Seajar dengan inovasi dan inisiatif yang diambil oleh institusi zakat di Malaysia dan risiko yang tersedia dalam adaptasi pembayaran digital, kajian ini bertujuan mininjau bagaimana sistem kawalan pengurusan (SKP) dapat digunakan dalam pengurusan risiko.

Kata Kunci : Gerbang pembayaran digital, lembaga zakat, pungutan dan pengagihan, revolusi industri 4.0, e-pembayaran.

A QUALITATIVE ANALYSIS OF STINGLESS BEE HONEY ENTREPRENEURS KNOWLEDGE ON THE BEST PRACTICES FOR PROCESSING HONEY PRODUCTS IN MALAYSIA

**HARLIANA HALIM
NORIZAN RAMELI
RIKI RAHMAN**

MUHAYMIN HAKIM ABDULLAH

Centre for General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

harliana@uthm.edu.my

norizanr@uthm.edu.my

riki@uthm.edu.my

muhaymin@uthm.edu.my

MOHD RAZIF BIN MAMAT @ DAUD

Translational Research & Prototype Development Centre, National Institutes of
Biotechnology Malaysia

razif@nibm.my

ABSTRACT

Realizing that the honey of stingless bees has rich nutritional value, many demands from consumers in the market. For the industry players, selling stingless bees honey has the potential to generate significant revenue. Revenue from the honey of stingless bees industry is very worth it because the current market value of stingless bees honey can reach up to RM100 per kilogram. However, for consumers, the challenge is that they find a lot of fake honey in the market. Consumers do not have the knowledge to determine whether the honey that circulates in the market is genuine or fake. This fake honey can not only cause confusion among consumers, but it can also harm its users in terms of health for their continued use. Based on the above discussion, this study aims to identify the knowledge of stingless bee honey entrepreneurs in Malaysia. In addition, this study applies semi-structured interviews and direct observation among the breeders to obtain the data. The data is analyzed using the thematic method for semi-structured interviews. Meanwhile, this study also uses a triangulation method of semi-structured interviews with direct observation to control the authenticity of the study findings. This study shows that most of the entrepreneur has a basic knowledge of the best practice to produce stingless bee honey product. This situation is expected to contribute to the quality of stingless bee honey products in the Malaysian consumer market.

Keywords: Stingless Bee Honey Product ; Entrepreneur Knowledge ; Malaysian Consumer ; Challenges ; Best Practices

ACKNOWLEDGMENT

This article was written as one of the output of Multidisciplinary Research Grant (H509) Analysis on Community Knowledge and Behavior of Stingless Bee Honey Product Selection. This work was funded and supported by the Research Management Centre, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

FAKTOR-FAKTOR TEKANAN KERJA YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PEKERJA DI DALAM KALANGAN PEKERJA LEMBAGA TABUNG HAJI (TH), KUALA LUMPUR

MAZLINA CHE MALEK

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mazlinamalek@kuis.edu.my

DAHIYAH SAFIRAH BINTI AHMAD SUPI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Fira971014@gmail.com

NADWATUL HUSNA MUSTAPHA

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

nadwatul@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pekerja merupakan aset penting bagi sesebuah organisasi. Pekerja yang efektif dapat meningkatkan produktiviti dan keuntungan organisasi. Oleh itu, pihak majikan perlu memberikan fokus yang lebih terhadap kebajikan dan keperluan pekerja. Jika pihak majikan tidak menyediakan suasana persekitaran kerja yang baik, akan menyebabkan timbulnya perasaan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja dan akhirnya akan mencetuskan isu tekanan di tempat kerja. Isu tekanan kerja ini akan menjejaskan prestasi kerja dan akhirnya boleh menyebabkan organisasi mengalami penurunan produktiviti dan kerugian. Penyelidikan ini dijalankan bagi mengkaji faktor tekanan kerja yang mempengaruhi prestasi pekerja di Lembaga Tabung Haji (TH), Kuala Lumpur. Terdapat dua objektif kajian bagi kajian ini. Objektif yang pertama ialah untuk mengenalpasti hubungan antara faktor tekanan kerja iaitu bebanan kerja, kekaburan peranan dan konflik peranan terhadap prestasi pekerja. Objektif yang kedua pula ialah untuk mengkaji faktor tekanan kerja yang paling mempengaruhi prestasi pekerja. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel bagi kajian ini ialah seramai 111 responden. Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan membuat pengedaran borang kaji selidik melalui dalam talian. Analisa korelasi menunjukkan pemboleh ubah elemen tekanan kerja mempunyai hubungan yang positif signifikan dengan prestasi pekerja yang mana tahap kekuatan hubungan adalah berada pada tahap yang sederhana. Analisa regresi berganda pula menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar konflik peranan merupakan elemen tekanan kerja yang paling memberi kesan terhadap prestasi pekerja. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah tidak bersandar seperti bebanan kerja, kekaburan peranan dan konflik peranan memberikan kesan positif yang signifikan terhadap prestasi pekerja. Namun, pemboleh ubah konflik peranan merupakan kesan tekanan kerja yang paling tinggi yang mempengaruhi prestasi pekerja di tempat kajian.

Kata Kunci: Prestasi Kerja, tekanan kerja, bebanan kerja, kekaburan peranan, konflik peranan.

KONSEP JENAYAH MAKANAN MENURUT PERSPEKTIF HALAL

MUHAMAD AFIQ BIN ABD RAZAK^{1,2}

¹AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA
UNIVERSITI MALAYA

²AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
email ibadurrahman89@gmail.com

MOHD ANUAR BIN RAMLI

JABATAN FIQH & USUL, AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
email mohdnuar@um.edu.my

ABSTRAK

Jenayah makanan merupakan bentuk perbuatan salah laku dan kejahatan yang dilakukan dalam rantai bekalan makanan. Ia melibatkan penipuan serius, dan termasuklah kesemua jenis kriminil yang melibatkan bekalan makanan. Jenayah makanan juga membabitkan ketidakjujuran pada mana-mana peringkat sama ada peringkat produksi mahupun di peringkat pembekalan makanan dan minuman. Antara bentuk jenayah makanan yang biasa berlaku adalah seperti penjualan produk makanan atau minuman yang diadukkan dengan ramuan murah atau berkualiti rendah tidak seperti mana yang dilabelkan pada produk. Aktiviti jenayah makanan dilihat memberi impak kepada industri makanan halal bahkan telah melibatkan rantai bekalan makanan halal di Malaysia secara langsung. Oleh yang demikian, kertas kerja ini membentangkan tentang konsep jenayah makanan dan perspektifnya menurut halal. Kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kajian kepustakaan di mana data dikumpulkan melalui literatur-literatur berkaitan dengan jenayah makanan. Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati bahawa jenayah makanan mempunyai perkaitan yang jelas dengan konsep halalan tayyiban.

Kata kunci: Halal, Jenayah Makanan, Pencemaran makanan, Perlindungan makanan, Terorisme Makanan

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TEKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SEPANJANG PANDEMIK COVID-19

**SITI SYAHIRAH MD SHAHARUDIN,
NORAINI SHAMSUDDIN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

E-mail: noraini.shamsuddin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Menyambung pengajian ke institut pengajian tinggi (IPT) dianggap sebagai tempoh peralihan yang penting dalam hidup pelajar. Perubahan ini boleh menyebabkan kejutan akademik, sosial, persekitaran, psikologi dan seterusnya boleh menjadi punca tekanan dalam kalangan pelajar. Pandemik yang melanda Malaysia bermula awal tahun 2020, menyebabkan semua pelajar IPT dihantar pulang ke rumah ibu bapa masing-masing dan pembelajaran dijalankan secara atas talian sepenuhnya. Perubahan mendadak terhadap persekitaran dan kaedah pembelajaran ini dijangka menambahkan lagi tekanan dalam bentuk yang baru kepada para pelajar. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti tahap tekanan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dari segi kewangan, persekitaran, akademik, teknologi dan rakan sebaya sepanjang tempoh pembelajaran atas talian berlangsung. Kaedah edaran borang kaji selidik digunakan bagi mengumpulkan data dari responden. Soal selidik ini diedarkan secara atas talian melalui emel dan aplikasi perbualan atas talian seperti *telegram* dan *whatsapp*. Data kajian ini dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 20.0*. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan purata. Hasil analisis purata yang dijalankan, didapati tahap tekanan para pelajar adalah di tahap sederhana. Analisis korelasi *Pearson* membuktikan hubungan yang signifikan antara faktor kewangan, persekitaran, akademik, teknologi, rakan sebaya dengan tekanan. Manakala faktor rakan sebaya merupakan faktor yang paling mempengaruhi tekanan dalam kalangan pelajar semasa pandemik (nilai $p=0.000$, $\beta=0.352$).

Kata kunci: Tekanan, pelajar, universiti, faktor, kesihatan mental

THE EPISTEMOLOGICAL STANCES OF TRUE KNOWLEDGE IN CONSTRUCTING ISLAMIC ACCOUNTING CONCEPTS

NORAZITA MARINA ABDUL AZIZ

Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy,
Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok, Malaysia.
email azitamarina@gmail.com

ABSTRACT

Islamic accounting concepts encompass a range of dimensions, including social welfare, social justice, sincerity, loyalty, and dependability. The recognition of social justice as a result of one's relationship with Allah SWT and with mankind is the expression of social accountability relationships between interested parties. Islamic accounting is motivated by the Islamic values inherent in business transactions, most notably through the support of Islamic financial management. Thus, the paper discusses the fundamental tenets of Islamic epistemology in developing an Islamic accounting concept for achieving sustainable growth and social equity, as well as scrutinising the requirements within the Islamic accounting spectrum for recording Islamic transactions conducted by Islamic management entities. Five interviews are conducted in order to contemplate the organization's procedures and routines in addressing the research objectives. The documentary review involved an interpretive examination of texts primarily from the al-Quran, Hadiths, and other specialised literatures. An in-depth content analysis was conducted to investigate Islamic accounting concepts and to examine potential strategies for ensuring sustainable growth and financial stability in an Islamic society. The findings indicate that Islamic accounting concepts must be motivated by Islamic epistemological stances in pursuit of true knowledge, particularly in defining the role of Islamic financial management entities and ensuring wealth distribution to the poor. Islamic accounting emphasises the operationalization, management, and implementation of Islamic financial management entities for the purpose of addressing social needs and promoting social welfare. In summary, the paper recommends conducting extensive future research on extending accounting for Islamic financial management entities. The development will accommodate social welfare by distributing wealth in an equitable manner, thereby reducing poverty within the social community and allowing for sustainable growth.

Keywords: Islamic accounting, Islamic accounting concepts, Epistemological stances, True knowledge

MANAGEMENT DIRECTION AND COMMUNICATION ECOLOGY IN FACING PANDEMIC COVID 19: LESSONS FROM ISLAMIC RELIGIOUS INSTITUTIONS IN KEDAH

NORAZITA MARINA ABDUL AZIZ

Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010
Sintok, Malaysia.

email azitamarina@gmail.com

MOHAMAD KHADAFI HJ. ROFIE

School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010
Sintok, Malaysia.

email khadafi@uum.edu.my

SYAHRINA ABDUL WAHAB

School of Languages, Civilisation and Philosophy, Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010
Sintok, Malaysia.

email syahrina@uum.edu.my

ABSTRACT

Islamic religious institutions, which include the State Islamic Religious Council (SIRC) and Islamic agencies, are critical in the formulation and implementation of policies governing the management and direction of Islamic religious affairs in Kedah. There was, however, some confusion regarding the designation of Standard Operating Procedures (SOP) for Muslim worship activities and the authority of Islamic institutions or other parties to rule on these SOPs. It is critical for changes in the roles of those responsible for developing and enforcing policy provisions, as well as the methods and mediums used to implement management direction during the pandemic Covid-19 outbreak. The purpose of this study is to shed light on the role of religious institutions in developing and implementing SOP, as well as the strategies and mediums used by current policymakers and implementers to communicate information about the Covid-19 pandemic. This study employs a qualitative, utilising both in-person and online interviews. Four respondents from the Kedah Islamic Religious Council (MAIK), the Kedah Islamic Religious Affairs Department (JHEAIK), and the Kedah State Zakat Board were selected to represent each institution and function (LZNK). MAIK was identified as the policymaker, while JHEAIK and LZNK were identified as the policy implementers. Legislators and basic implementers employ ten strategies. Meanwhile, policymakers and implementers communicate SOP information to the public via seven different mediums, including traditional media and cutting-edge technology applications. As a result, this study can shed light on the critical role that management direction for precise Islamic governance and communication ecology plays in ensuring the community's well-being and prosperity in Kedah.

Keywords: Management direction, Communication ecology, Islamic Religious Institutions, Implementers and policymaker, Islamic governance.

MAKLUMBALAS INDUSTRI TERHADAP KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI KUIS.

NURUL JAMILAH ISMAIL RANI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

jamilah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat tahap kemahiran komunikasi pelajar KUIS sewaktu menjalani Latihan Industri di pelbagai organisasi kerajaan mahupun swasta. Latihan Industri merupakan satu daripada syarat bergraduasi pelajar IPTS, ini kerana dalam tempoh Latihan Industri pelajar akan didedahkan tentang realiti dunia pekerjaan yang sebenar selaras dengan hasrat kerajaan melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berketrampilan. (Siti Nurbayu Mohd Yusof, 2021). Dalam tempoh menjalani Latihan Industri ia dapat membantu pelajar menjadi pelajar yang menyumbang kepada pembentukan modal insan yang lebih kreatif, kritikal, inovatif dan kompetitif di masa depan. Antara isu yang timbul atau masalah yang dihadapi oleh para majikan sewaktu menjalani Latihan Industri ialah pelajar tidak cuba menonjolkan diri dan lemah dalam kemahiran berkomunikasi, tidak cuba mencari peluang dan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja. (Affandi Ahmad, 2018). Atas sebab faktor-faktor berikut, pengkaji ingin melihat tahap kemahiran komunikasi pelajar Latihan Industri dari perspektif penyelia organisasi. Selain dari itu pengkaji juga ingin mengenalpasti kemahiran komunikasi yang paling baik dalam kalangan pelajar Latihan Industri KUIS. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar dalam mengenalpasti apakah kemahiran komunikasi yang diperlukan sewaktu tempoh menjalani Latihan Industri.

Kata kunci: Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan, Komunikasi Profesional.

KNOWLEDGE, PERCEPTIONS, AND ATTITUDES TOWARDS HALAL CERTIFICATION AMONG MUSLIM MICRO-ENTERPRISES IN MALAYSIA

SITI SALWA SHEIKH MOKHTAR

School of Business and Economics Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang Selangor,
Malaysia

sitiscalwash@gmail.com

SITI RAHAYU HUSSIN

School of Business and Economics Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang Selangor,
Malaysia

rahayu@upm.edu.my

ANUAR SHAH BALI MAHOMED

School of Business and Economics Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang Selangor,
Malaysia

anuar@upm.edu.my

SUHAIMI AB. RAHMAN

School of Business and Economics Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang Selangor,
Malaysia

suhaimiabrahman@upm.edu.my

ABSTRACT

The Halal Industry in Malaysia has shown significant growth in the last decade. Major industry players contribute almost RM23 billion worth of products and services to small and medium enterprises. At the same time, micro-business are also increasing their participation in the Halal industry. Despite this trend, micro-businesses are lagging in market knowledge and strategies. This study was conducted to determine the perceptions, beliefs, knowledge, and attitude toward Halal certificates among Muslim micro-entrepreneurs in Malaysia. Quantitative research was carried out among selected micro-entrepreneurs in Peninsular Malaysia. The unit of analysis was the owner of micro-businesses among B40 entrepreneurs. Data was collected using a self-administrated survey among the micro-entrepreneurs, which consisted of 96 respondents, and descriptive analysis was performed. Results show a relatively adequate knowledge about the Halal certificate, with the majority of the respondents had positive attitudes toward the Halal certificate. The majority of them have the intention to apply for Halal certification. In sum, as the micro Entrepreneurs show a positive attitude towards Halal certification, this can be their competitive advantage for sustainable business in d future. Besides, halal certification would be a winning value proposition for microentrepreneurs in a country with most Muslim customers.

Keywords: Halal, Micro Enterprise, Muslim Customer, Attitude, Knowledge, Entrepreneurship

FINTECH ON FINANCIAL INCLUSION : SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

NORSYAFIQAH SALEH

Universiti Kebangsaan Malaysia

P101006@siswa.ukm.edu.my

ABSTRACT

Technological inventions and innovations paved a way for development in the financial market. Existing literature shown that many studies on fintech but less studies on the effect of fintech on financial inclusion and their relationship theoretically and empirically. This studies aim to analyse existing studies and their findings and to summarize the efforts of research in fintech on financial inclusion. The review for the study was based on standard publication namely PRISMA (Preferred reporting items for systematic review and meta-analysis). The study for selected articles using two leading database namely Scopus and Web of Science. In this context, the study summarize the literature that focuses on fintech variables that contribute for financial inclusion specifically considering two components: innovative digital and traditional digital fintech for both conventional and Islamic bank.

Keywords : Fintech; Financial Technology; Mobile Money; Financial Inclusion

SUSTAINABILITY AND BANKING PERFORMANCE

NURULSYAFIQUH BINTI LABANGGU

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) nsyafiqah121@gmail.com

ABSTRACT

Bank industry are currently being more attentive towards the topic of sustainability. In respond to that, researchers are also actively studying any topic related banks and sustainability. Few systematic reviews have been carried out on the sustainability and bank performance for both Islamic and conventional banks. Much of the focus are either on how sustainability can be implemented in banking or focus only for conventional banking. The present article set out to understand the meaning behind sustainable banking and to analyse the effect and relationship between sustainability and banking performance between Islamic and conventional bank performance. Hence, the present study conducted a systematic literature review on the sustainability and banking performance. The present study was guided by Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) protocol. This study selected article using two main database which is Scopus and Web of Science (WoS). Further review of these article resulted in four sustainability mechanism that affected bank performance and measured in three categories: positive, not significant and negative.

Keywords: Sustainable banking; Green banking; Ethical banking; Corporate social responsibility; Sustainable development goals; Bank performance.

THE EFFECTIVENESS OF SAFETY PRACTICES ON SAFETY BEHAVIOR AMONG EMPLOYEES AT SMES MANUFACTURING SECTOR

NADZIRAH MOHD FAUZI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. nadzirah@kuis.edu.my

NUR IMAN HASHIM

SEGi University, Malaysia.
nurimanhashim@segi.edu.my

UMMI MUNIRAH SYUHADA MOHD ZAN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. ummi@kuis.edu.my

MUHAMMAD FIRDAUS MOHAMAD SABRI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. firdaussabri@kuis.edu.my

NURUL WAHIDA INSYIRA MOHD NASIR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

ABSTRACT

SMEs are the significant key to the development of economic and long-term growth. However, according to the report, majority of the workplace accidents in Malaysia happened in SMEs. This shows that SMEs are still lagging in term of maintaining workplace safety. This may cause a disruption in their business operations, as workplace accidents bring several negative effects. Therefore, this study explores the implementation of safety practices that promotes safety behavior among employees. This study aims to determine the relationship between safety practices and safety behavior among SMEs workers. Three components of safety practice namely; safety communication, management commitment and safety training, that influence safety behavior of employees in the workplace. This study was conducted at Bando Electronic (M) Sdn Bhd Rawang, Selangor to represent the SMEs manufacturing sector. The finding shows that the level of safety behavior among employees from Bando Electronic (M) Sdn Bhd is high, which means there are acceptable and good safety behaviors that were displayed by the employees. Finding also showed that, there were moderate correlation between safety communication, management commitment, and safety training and safety behavior. Among all the variables, management commitment was found to be the most influential and effective safety behavior.

Keywords: Safety Practices, Safety Behavior, Safety Communication, Management Commitment, Safety Training.

INTERNAL CONTROL IN NON-PROFIT ORGANIZATIONS: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

HANARISMA IDAWATI BINTI ABD. HANAN

Faculty of Management & Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
hanarismaidawatihanan@gmail.com

NAZIFAH BINTI MUSTAFFHA

Faculty of Management & Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nazifah@kuis.edu.my

NORHANIZAH BINTI JOHARI

Faculty of Management & Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norhanizah@kuis.edu.my

AHMAD YANI BIN ISMAIL

Faculty of Management & Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
ahmadyani@kuis.edu.my

ABSTRACT

Internal control is essential for each organization because it consists of the control environment, risk assessment, control activities, information and communication, and monitoring activities. Unique characteristics of the non-profit organizations, such as the absence of ownership, no specific financial disclosure standards, and commonly management by a group of people who are only experts in non-profit services, contribute to the variance's implementation of internal control in non-profit organizations. However, the implementation of internal control practices in non-profit organizations has not been significantly addressed. Therefore, this research paper aims to explore the development of internal control in non-profit organizations globally. 17 articles published in Google Scholar from 2017 to the present year were selected and analyzed following a systematic review of the literature. The literature analysis findings revealed various information about internal control in these non-profit organizations, highlighting the factors and relevance of internal control adoption. Research on internal controls practices is still lacking, which creates a vast research gap that is an area worth researching. This literature review indicates that implementation, contribution, determinants, and obstacles are different for each non-profit organization. Thus, this research paper will give a rough overview and be a foundation for a future empirical study on non-profit organizations' internal control.

Keywords: Internal Control, Non-Profit Organizations, Systematic Literature Review.

SHARE PRICE VOLATILITY AND DIVIDEND POLICY DURING THE PANDEMIC OF COVID-19

NUR ATHIRAH GHAZALI

UniKL Business School
nurathirahghazali21@gmail.com

NADISAH ZAKARIA (CORRESPONDING AUTHOR)

International Universiti Malaya Wales
nadisah@iumw.edu.my

FOO SIONG MIN

Universiti Putra Malaysia
thomasfoo88@gmail.com

ABSTRACT

This study is to examine the relation between dividend policy and share price changes in the Malaysian share market during the dramatic pandemic of Covid-19. Multiple regression analysis is used to investigate the relationship between the share price volatility and the determinants of dividend policy namely the dividend yield and dividend payout. The findings show that there is a negative relationship between dividend yield and share price volatility and a positive relationship between dividend payout and share price volatility. The study supports evidence in the pieces of literature and dividend relevance theory that conclude dividend yield is one of the important variables to determine the share price volatility. The findings suggest that investors need to take into consideration both dividend yield and dividend payout before investment decision-making, and the top management of companies needs to be careful in formulating dividend policy decisions.

Keywords: Share Price Volatility, Dividend Yield, Dividend Pay-Out, COVID-19

DEVELOPMENT OF NEW QAFSCALE FOR WAQF-BASED QARDHUL HASSAN FINANCING: PERSPECTIVES OF POTENTIAL WAQIF IN THE TIME OF COVID-19

HANUDIN AMIN

Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

This research is aimed at introducing *waqf*-based *qardhul hassan* financing via the construction of QAFSCALE to facilitate its implementation in Malaysia using a *maqasid* approach. The scale is developed based on inductive approach. Later the scale is used to measure potential *waqif* preference of the facility to examine its feasibility for practical use. The findings obtained are also aimed at increasing the practitioners' interest and commitment to invest in this facility in line with the research cluster of "Social and economic wellbeing", the "Key Economic Growth Activities (KEGA 1 – Islamic Finance Hub 2.0)" and the SDG (Societal Harmony and Happiness).

Keywords: Islamic social finance, waqf, qardhul hassan, COVID-19, Malaysia

KAJIAN SISTEMATIK TERHADAP PENGAPLIKASIAN GARIS PANDUAN PAMPASAN KEMALANGAN JALAN RAYA BERASASKAN SISTEM DIAT DI MALAYSIA

MUHAMAD DARWISY BIN MOHD RAZALI

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
email muhddarwisy91@gmail.com

LUKMAN BIN ABDUL MUTALIB

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
email lukman@usim.edu.my

AHMAD SYUKRAN BIN BAHARUDDIN

Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
email ahmadsyukran@usim.edu.my

ABSTRACT

Diat merupakan satu mekanisme alternatif dalam sistem penghukuman jenayah pada masa yang sama juga memberikan pampasan atau ganti rugi kepada mangsa atau warisnya. Lebih-lebih lagi dalam kes tuntutan pampasan bagi mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Rata-rata mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya tidak memiliki insurans atau takaful bagi memulihkan dan membantu mereka. Di samping itu, pihak mangsa atau waris turut merasai kesan dan impak tersebut seperti hilangnya kebergantungan punca rezeki dan pendapatan dalam sesebuah keluarga. Perkara ini tercetus apabila tiadanya tuntutan atau pampasan yang jelas yang dapat membantu dan memberi keadilan sewajarnya kepada mangsa dan pihak mangsa. Oleh itu, sistem diat perlu dikaji secara terperinci dan mendalam dari segi konsep dan implimentasiannya supaya dapat mengikut arus realiti semasa di Malaysia. Lantaran itu, kajian ini ingin menganalisis pengaplikasian garis panduan pampasan kemalangan jalan raya berasaskan sistem diat di Malaysia melalui kaedah sorotan sistematik (SLR). Kajian ini menggunakan metodologi PRISMA iaitu hasil data dari carian melalui laman sesawang Scopus dan MyJurnal. Sebanyak 479 artikel telah ditemui hasil carian daripada laman sesawang Scopus dan MyJurnal tetapi, hanya 10 artikel yang berkaitan sahaja akan dibincangkan. Kajian ini berharap dapat menjadi salah satu rujukan atau topik yang dapat dibahaskan dengan lebih terperinci oleh pengkaji akan datang. Hasil dapatan kajian ini dijangka akan membantu untuk memudahkan dalam prosedur tuntutan pampasan bagi kes kemalangan jalan raya sekali gus membantu hakim dalam penghukuman terhadap penjenayah.

Keywords: Diat, mekanisme, pampasan, kemalangan, PRISMA, penghukuman

KAJIAN SISTEMATIK TERHADAP KEBEBASAN BERAGAMA DAN HUBUNGKAITNYA DENGAN MAQASID AL- SYARIAH DI MALAYSIA

AHMAD SYAUQI BIN ABDULLAH

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

syauqiabdullah98@gmail.com

NISAR MOHAMMAD BIN AHMAD

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

nisar@usim.edu.my

ABSTRAK

